

Jilid III
Bil. 53



Hari Rabu
29hb November, 1989

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 9389]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1990

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 19 [Ruangan 9436]

Maksud B. 20 [Ruangan 9448]

Maksud B. 21 hingga B. 24 [Ruangan 9490]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1990

Jawatankuasa—

Maksud P. 19 [Ruangan 9436]

Maksud P. 20 [Ruangan 9448]

Maksud P. 21 hingga P. 24 [Ruangan 9490]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P.,
D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.UN.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar
Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P.
(Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P.,
S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P.,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR
HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K.
(Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG
KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,
S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.
(Merbok).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N.
(Hulu Langat).

- Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.I.J., P.N.B.S., D.P.M.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK, D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI AHMAD DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, P.M.P., A.M.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

” Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).

” Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).

” TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).

” DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

” DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).

” DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).

” TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).

” TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).

” TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).

” DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

” DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).

” DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

” TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

” DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N. B.C.K. (Padang Terap).

” TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

” TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

” DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

” TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

” DR CHEN MAN HIN (Seremban).

” TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).

” TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

” TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).

” DR V. DAVID (Puchung).

” TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

” DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).

” TUAN FUNG KET WING (Sandakan).

- Yang Berhormat TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN @ SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasar Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL @ MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasar Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG @ GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAL (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).

- Yang Berhormat TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah)
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOHO (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tengah).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

- Yang Berhormat Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG @ TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 29hb November, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang.

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

MANGSA BENCANA—BANTUAN

1. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan sama ada Kerajaan sedar dasar Kerajaan sekarang ini untuk membantu mangsa-mangsa bencana alam tidak memuaskan dan oleh itu adakah Kerajaan bercadang untuk menggubal dasar baru untuk membantu sepenuhnya dan dengan lebih segera lagi mangsa-mangsa bencana alam seperti mangsa-mangsa ribut, banjir, kemarau dan mangsa kebakaran.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bantuan yang diberi kepada mangsa-mangsa bencana alam pada masa ini adalah untuk menampung keperluan asas mangsa-mangsa tersebut dan bertujuan untuk meringankan penderitaannya. Dasar ini akan diteruskan. Kerajaan tidak bercadang untuk menggubal dasar baru untuk memberi bantuan sepenuhnya jika tujuan cadangan tersebut ialah untuk memberi bantuan sebagai ganti rugi harta benda yang hilang atau musnah.

Kerajaan memang sedar bahawa mangsa-mangsa bencana alam perlu diberi bantuan yang segera. Dengan tujuan ini, beberapa langkah telah diwujudkan iaitu:

- (a) beberapa pengkalan hadapan telah pun dibekalkan dengan simpanan makanan yang mencukupi supaya makanan dapat disediakan dengan serta-merta untuk mangsa-mangsa bencana; dan
- (b) pusat-pusat pemindahan juga telah ditentukan untuk menempatkan mangsa-mangsa bencana yang memerlukan penginapan sementara.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, adakah Setiausaha Parlimen sedar bahawa kadar pemberian bantuan kepada mangsa-mangsa malapetaka, misalnya kebakaran ataupun banjir yang diberikan oleh Kerajaan sekarang adalah amat tidak mencukupi dan amat tidak bermakna? Saya ingin mendapat tahu sama ada Kementerian beliau ada menjalankan satu kajian yang bertujuan untuk menaikkan kadar ke satu tahap atau ke satu paras yang bermakna untuk orang-orang ataupun mangsa-mangsa malapetaka yang berkenaan?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ialah ada kajian untuk menaikkan kadar bantuan untuk mangsa-mangsa bencana alam. Tetapi sampai setakat ini perkara ini masih dibincangkan dengan pihak Kementerian Kewangan untuk meluluskan kewangan yang mencukupi supaya kadar ini dapat dinaikkan.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin dapat tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah satu tabung khas untuk membantu mangsa-mangsa bencana alam seperti yang telah diadakan dalam beberapa negara-negara luar khususnya untuk membantu mangsa-mangsa yang berkaitan dengan banjir dan juga kebakaran? Saya ingin dapat tahu—boleh jadi ianya diadakan bukan di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat tetapi dalam Jabatan Perdana Menteri, adakah terwujud satu tabung khas dan jika ada, berapakah jumlah kewangan yang berada dalam tabung ini?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada tabung khas untuk memberi pertolongan kepada mangsa-mangsa bencana alam. Walau bagaimanapun, Kementerian melalui Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga melalui Tabung Yayasan Kebajikan adalah menyalurkan bantuan yang mencukupi kepada mangsa-mangsa yang terlibat dalam bencana alam.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, duduk! Jangan buat begitu, Yang Berhormat. Saya belum panggil lagi Yang Berhormat.

Tuan P. Patto: Sebab, Tuan Speaker tulis dan tengok.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Tasek Chenderoh.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menerangkan bantuan yang diberikan oleh Kementerianya ialah semata-mata untuk menampung keperluan asas bagi mangsa-mangsa yang terlibat. Jadi, saya suka hendak bertanya, apakah kriteria yang digunakan setakat ini oleh pihak Kementerian bagi membantu mangsa-mangsa bencana alam? Adakah ianya

berdasarkan kepada ramai keluarga ataupun berdasarkan kepada banyak sedikitnya kehilangan harta benda?

Yang kedua, sebagaimana yang ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor tadi, hingga setakat ini pihak Kerajaan belum mengadakan tabung khas berkenaan bantuan bencana alam ini. Saya ingin bertanya, apakah pada masa hadapan memandangkan bencana alam ini berlaku sepanjang tahun, malah kadang-kadang dalam setahun beberapa kali, oleh sebab itu adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu tabung khas kerana bantuan-bantuan yang diberi pada masa ini adalah tidak mencukupi. Yang ketiga

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudah, Yang Berhormat.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Terima kasih.

9389

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, kriteria yang digunakan oleh pihak berkuasa semasa menyalurkan bantuan ini kepada mangsa-mangsa tersebut ialah termasuk apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, iaitu besarnya keluarga yang mengalami kesusahan dan juga termasuk jumlah yang mereka telah hilang akibat bencana alam itu dan lain-lain, termasuk juga keperluan mereka dari segi makanan, pakaian dan sebagainya.

Untuk menjawab soalan yang kedua, sukalah saya memaklumkan di sini bencana alam ialah satu perkara yang diambil perhatian oleh Kerajaan Pusat di mana bencana alam ini dialami di dalam dua atau tiga negeri. Dan apabila bencana ini merangkumi dua atau tiga negeri di dalam negara kita, Kerajaan Pusat akan menyalurkan bantuan yang secukupnya kepada mangsa-mangsa tersebut, tetapi mengikut biasanya seperti ada banjir di dalam sesuatu negeri, Kerajaan Negeri itulah akan bertanggungjawab untuk menguruskan semua perkara tentang bantuan untuk mangsa-mangsa tersebut.

IMBANGAN AKAUN BAYARAN

2. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah imbalan perdagangan (trade balance) negara bagi tahun 1987, 1988 dan sehingga September 1989 dan sejauh manakah ianya menjejaskan ekonomi kita dan perimbangan akaun bayaran (balance of payment accounts).

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Dato Dr K. S. Nijhar): Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyatakan bahawa bagi tahun 1987, 1988 dan sehingga Ogos 1989, Malaysia menikmati lebihan atau, dengan izin, "surplus" dalam imbalan perdagangan seperti berikut:

Tahun	Imbalan Perdagangan (\$ Juta Lebihan)
1987	\$13,291
1988	\$11,967
1989	\$5,429

(Januari-Ogos) 9390

Maklumat mengenai imbalan perdagangan pada bulan September 1989 yang juga diminta oleh Yang Berhormat, masih lagi di dalam pemerosesan Jabatan Perangkaan.

Imbalan perdagangan yang positif dalam tahun 1987, 1988 dan sehingga Ogos 1989, telah memperbaiki kedudukan imbalan pembayaran negara bagi tahun-tahun berkenaan.

Didapati bahawa lebihan imbalan perdagangan ini makin menurun dan ianya adalah disebabkan oleh kadar pertambahan import melebihi kadar pertambahan eksport. Angka-angka berkenaan adalah seperti berikut:

Tahun	Import (\$ Juta)	Eksport (\$ Juta)
1987	\$31,933.9	\$45,224.9
1988	\$43,293.4	\$55,260.0
1989	\$38,226.3	\$43,655.8

(Januari-Ogos)

Walau bagaimanapun, keadaan ini tidak bermakna ekonomi kita terjejas kerana pertambahan import merupakan barangan modal dan barangan pertengahan iaitu keperluan pelaburan dan perkilangan yang sebenarnya mendorong perkembangan ekonomi kita. Ini terbukti melalui kadar pertumbuhan KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar) di mana dalam tahun 1988 ianya mencatatkan 8.7% berbanding dengan 5.3% di dalam tahun 1987.

Trend seperti ini akan memperbaiki lagi ekonomi negara kita bagi masa jangka panjang kerana import barangan modal seperti peralatan dan jentera dapat menghasilkan pengganti import dan meningkatkan lagi barangan eksport pertambahan nilai. Lama-kelamaan, hasil daripada perkilangan tersebut di atas akan bertambah nilai eksport negara dan mengurangkan import—faktor-faktor yang akan meningkatkan prestasi imbalan negara dan prestasi ekonomi negara.

Bagi tahun 1989, imbalan perdagangan dianggarkan terus menurun disebabkan import barangan modal dan pertengahan akan terus meningkat. Dari segi ekonomi negara, import barangan modal dan barangan pertengahan yang meningkat ini menunjukkan pertumbuhan permintaan agregat dalam negeri yang kukuh, untuk memenuhi keperluan pelaburan dan penggunaan di dalam ekonomi. Ianya juga mencerminkan prestasi yang kukuh di sektor perkilangan dan dengan demikian tidaklah menjejaskan ekonomi negara kita.

Tuan Lim Kit Siang: Sebelum saya kemukakan soalan tambahan, saya hendak bertanya sama ada semua Menteri-menteri kita sudah lupa ada Dewan yang bersidang. Seorang Menteri pun tidak ada (*Tepuk*) dan Kabinet sepatutnya diketuk-diketuk oleh kerana galakan yang tidak baik. (*Tepuk*) Ada pepatah berkata, "bapa borek anak rintik", tentu ada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional tidak hormat Dewan, kalau Kabinet pun tidak hormat Dewan yang mulia ini. (*Tepuk*) Saya harap mereka akan ambil perhatian. Soalan tambahan saya

Dato' Alias bin Md. Ali: Untuk penjelasan

Tuan Lim Kit Siang: Apa penjelasan? Seorang Menteri pun tidak ada!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanjong

Tuan Lim Kit Siang: Ini benar, bukan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang: Mana ada, tunjuk!

Dato' Alias bin Md. Ali: Yang Berhormat Menteri sekarang ini

Beberapa Ahli: Duduk! Duduk!

Dato' Alias bin Md. Ali: Itu Yang Berhormat dari Tanjong tidak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kalau ada soalan tambahan

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak dengar dia. Ulang lagi sekali.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, apa dia soalan tambahan?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya mahu kemukakan soalan tambahan, tetapi kalau dia ulang, boleh, beri dia.

Dato' Alias bin Md. Ali: Boleh saya ulang. Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet sekarang ini sedang mempengerusikan Post-Cabinet meeting.

Tuan Lim Kit Siang: Post-Cabinet meeting?

Dato' Alias bin Md. Ali: Itu Yang Berhormat tidak tahu.

Tuan Lim Kit Siang: Apa yang lebih mustahak? Parlimen yang lebih mustahak atau Post-Cabinet meeting?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sudah Yang Berhormat dari Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Post-Cabinet meeting tidak jadi hujah.

Dato' Alias bin Md. Ali: Timbalan-timbalan Menteri ada sini, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak guna! Tidak guna! Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah adakah untuk membantu lagi keadaan imbalan negara ini bahawa Kerajaan akan mengubah sikap berhenti mengabaikan pelabur-pelabur tempatan oleh kerana mereka perlu dapat diberi semua galakan dalam bidang ini apabila dibandingkan dengan pelabur-pelabur asing oleh kerana peranan yang dimainkan oleh mereka dalam ekonomi negara kita.

Dato Dr K. S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, soalan pokok saya berkenaan imbalan perdagangan negara. Walau bagaimanapun, soalan tambahan Yang Berhormat tadi berkenaan sikap pelabur-pelabur tempatan, saya berfikir soalan tambahan ini tidak berkaitan dengan soalan itu. (*Disampuk*)

Tuan Lim Kit Siang: sikap pelabur tempatan, sikap Kerajaan, sebab itu mahu Menteri, kalau tiada Menteri tidak guna. (*Tepuk*)

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, memang sikap pelabur tempatan ada berkaitan, sebab sekiranya mereka bawa wang keluar negeri untuk melabur, wang itu juga dijadikan satu faktor dalam

mengimbangkan imbalan pembayaran. Dia tidak faham. Kalau tidak faham, letak jawatan. (*Tepuk*) Minta Menteri datang di sini untuk menjawab. Tidak payah soalan.

Tuan P. Patto: Tidak payah tanya. Ini tidak faham punya orang. Duduk, apa mahu jawab. (*Disampuk*)

Dato Dr K. S. Nijhar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat tidak payah. Yang Berhormat Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin. Yang Berhormat Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, laju sangat, pandanglah sini balik. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak nampak Yang Berhormat.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya yang ketiga. Selalu tidak nampak sebelah sini. (*Ketawa*) (*Disampuk*)

PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN

3. **Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin** minta Menteri Pertanian menyatakan langkah-langkah dan usaha-usaha Kementerian di dalam perlaksanaannya bagi memperkenalkan "Peti Pembasmian Segera Kemiskinan" yang merupakan satu kaedah membasmi kemiskinan di luar bandar menerusi amalan bercucuk tanam.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Ong Tin Kim): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Program "Kotak Awal Pembasmian Kemiskinan" adalah dijangka akan dilancarkan pada akhir tahun ini. Langkah-langkah yang akan diambil untuk memperkenalkan program ini ialah di majlis pelancaran tersebut, semua Ketua Pengarah dan Pengarah-pengarah Negeri, Jabatan/

Agensi di bawah Kementerian Pertanian akan dijemput hadir. Di samping itu, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab mengenai pembangunan pertanian dan semua Pegawai Kemajuan Negeri akan juga dijemput hadir. Selepas itu pelancaran di peringkat Persekutuan, program ini akan diperkenalkan pula di peringkat negeri dan juga di peringkat daerah.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi membasmi kemiskinan program itu begitu menarik tetapi di dalam peruntukan bagi tahun hadapan hanya diluluskan sebanyak \$5.6 juta, kalau saya tidak silap. Adakah peruntukan ini memadai?

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, Kotak Awal Pembasmian Kemiskinan ini cuma satu bantuan untuk petani-petani yang miskin itu memulakan satu langkah untuk bercucuk tanam di sekitar rumah dia. Ada dua jenis kotak: satu untuk makan sendiri. (*Disampuk*) Bising sangat, saya tidak boleh jawab. Satu jenis lagi untuk komersial. Jadi untuk makan sendiri bagi petani-petani yang miskin itu untuk bercucuk tanam di sekitar rumah dia sahaja. Jadi dalam kotak itu cuma ada benih-benih sayur-sayuran seperti kacang panjang dan kangkong yang murah dan untuk kotak komersial itu hanya benih-benih buah-buahan. Harganya tidak berapa mahal. Saya anggap bahawa peruntukan itu adalah cukup untuk melancarkan rancangan ini.

HUTANG NEGARA—NISBAH KHIDMAT

4. **Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar** minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan usaha-usaha yang gigih yang sedang dibuat oleh Kerajaan, adakah kemungkinan debt servicing negara diturunkan lagi dari 13% KDKN pada masa ini; apakah langkah yang paling berkesan yang mempengaruhi penurunan ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nisbah khidmat hutang negara ditaksirkan sebagai nisbah bayaran pokok dan faedah pinjaman luar terhadap eksport barangan dan khidmat. Oleh yang demikian, nisbah khidmat hutang negara akan menjadi lebih rendah jika bayaran pokok dan faedah pinjaman luar dapat diturunkan dan nilai eksport barangan dan khidmat bertambah.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah dan akan terus mengurangkan jumlah pinjaman luar negeri. Di samping itu, prestasi eksport negara menunjukkan tanda-tanda yang sungguh menggalakkan bagi kesemua sektor. Kedua-dua faktor ini telah menjadikan nisbah khidmat hutang yang terus menurun. Pada tahun 1989, nisbah ini dijangka menurun kepada 11.8% daripada 13.5% pada tahun 1988.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan pencapaian kadar 11.8% untuk tahun 1989 ini adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan saya kalau saya mengatakan bahawa negara kita menduduki tempat yang tinggi di dalam senarai "credit rating" di kalangan negara-negara di dunia ini dan tempat yang terendah di dalam "debt servicing" di kalangan negara membangun.

Yang kedua, adakah kemungkinan kita mencapai kadar 5% di dalam satu dekad lagi memandangkan bahawa "trend" ke arah "balanced budgeting" telahpun dimulakan oleh Kerajaan bermula dengan Belanjawan tahun 1990.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada "trend" ataupun kecenderungan pada masa ini kemungkinan Malaysia akan menduduki tempat yang agak baik dari segi nisbah khidmat hutang negara ini berbanding dengan negara ASEAN yang lain. Misalannya kalau jangkauan kita tepat bagi tahun 1989 ini, nisbah kita lebih rendah

daripada Filipina dan juga daripada negara Thailand yang mana pada masa ini Filipina adalah pada kadar 22.7% dan Thailand adalah pada kadar nisbah 13.6%.

Bagi bahagian yang kedua iaitu adakah kemungkinan kita boleh mencapai nisbah pada kadar 5%. Perkara ini kalau kita melihat kepada usaha-usaha Kerajaan dengan membuat bayaran lebih awal hutang-hutang negara termasuk pokok dan faedah dan juga perkembangan yang menggalakkan eksport bagi negara kita ini, kita mungkin akan mencapai kadar ini, tetapi kita tidak tahu dengan pasti.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu sebab kenapa nisbah khidmat hutang luar kita tinggi ialah pinjaman yang kita dapati dalam bentuk matawang asing seperti Yen.

Saya ingin tahu di sini nilai hutang negara yang terlibat dalam "refinancing" yang telah dibuat oleh Kerajaan sebelum ini dan pecahan serta nilai hutang luar kita dari segi "currency" dan sejauhmanakah "refinancing" semula hutang luar kita mengurangkan nisbah khidmat hutang luar. Saya ingin tahu pecahan hutang luar kita dari segi "currency-currency" tertentu dan juga hutang luar kita bagi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan-badan Berkanun Kerajaan iaitu PABK.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan "refinancing" pinjaman luar negeri kita ini seperti yang saya sebut kadar ataupun nisbah khidmat hutang negara ini akan ditentukan oleh pinjaman luar negeri kita yang kita bayar dan juga eksport barangan kita. Jadi rendah ataupun tinggi nisbahnya bergantung kepada berapa pencapaian kita di dalam eksport dan juga kebolehan kita membayar balik.

Berkenaan dengan bayaran balik yang kita telah buat yang menyebabkan turunnya nisbah ini, suka saya memberi di sini iaitu bagi tahun 1985 misalannya kita membayar bayaran pokok sebanyak \$7,000 juta. Dalam tahun 1988 kita membayar sejumlah

\$17,564 juta sebagai bayaran pokok hutang kita dan bagi bayaran faedah ialah \$5,032 juta pada tahun 1985 dan pada tahun 1988 ialah \$6,189 juta.

Bagi pecahan-pecahan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu terlalu panjang untuk saya menjawab. Saya mempunyai perangkaan-perangkaan yang berkenaan pada saya sekarang ini dan saya rasa eloklah saya berikan secara bertulis jika Ahli Yang Berhormat itu berminat tentang angka-angka ini. Tetapi sukalah saya memberitahu bahawa sehingga 30hb September, 1989, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan yang belum diselesaikan iaitu pinjaman dalam negeri ialah berjumlah \$66,057 juta dan pinjaman luar negeri berjumlah \$23,613 juta.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Timbalan Menteri memang sedar soal hutang negara ini selalu dijadikan isu, tetapi bukan semuanya mengenai hutang negara itu negatif, malahan ada juga kadangkala kita perlu berhutang kerana ianya menjadi satu dasar yang bertanggungjawab. Apa yang saya hendak tanyakan dalam soalan tambahan saya, ialah apakah nisbah hutang sesebuah negara yang dipandang sihat oleh badan-badan kewangan antarabangsa?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, nisbah hutang negara yang boleh dipandang sihat oleh badan-badan antarabangsa ini terpulang kepada keadaan sesebuah negara itu. Bagi negara kita, walaupun kita mempunyai hutang luar negeri seperti yang saya sebutkan, tetapi perkara ini adalah perlu seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum untuk kita membiayai pembangunan dalam negara kita. Walau bagaimanapun, negara kita sangat berhati-hati terutamanya dalam dasar kita berjimat cermat dalam perbelanjaan supaya hutang luar negeri kita ini tidak akan bertambah.

Selain daripada itu, seperti yang saya sebutkan, kita membuat bayaran balik lebih awal ke atas hutang-hutang kita, di samping menggalakkan eksport negara yang

mana kedua-dua langkah ini akan menyebabkan kedudukan pinjaman luar negeri kita akan makin berkurangan dari masa ke semasa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Dr Tan Seng Giaw.

(Soalan No. 5 Y.B. Dr Tan Seng Giaw tidak hadir).

TARIF ELEKTRIK—PENURUNAN

6. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah kategori-kategori pengguna elektrik yang akan diturunkan tarif oleh Kerajaan serta bilakah kadar tarif baru ini akan dikuatkuasakan dan adakah ia akan merangkumi pengguna-pengguna di Sabah dan Sarawak. Adakah pihak Lembaga Letrik Negara akan mempertingkatkan khidmatnya walaupun tarif diturunkan.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, terdapat perbezaan kadar tarif elektrik di antara kategori domestik, perdagangan, industri dan lampu awam. Begitu juga terdapat perbezaan kadar tarif di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung yang dikenakan oleh Lembaga Letrik Sabah, Perbadanan Letrik Sarawak dan Lembaga Letrik Negara.

Kerajaan telah menurunkan kadar tarif di sektor-sektor di atas dari semasa ke semasa berdasarkan kepada kemampuan Lembaga Letrik Negara, Lembaga Letrik Sabah dan Lembaga Letrik Sarawak dan juga akhir-akhir ini kadar tersebut diturunkan dalam bentuk diskaun semasa kemelesetan ekonomi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri pada tarikh 27hb September, 1989 telah memutuskan supaya tindakan seperti berikut dilaksanakan oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos:

- (1) mengkaji untuk mengurangkan kadar tarif elektrik di kawasan luar bandar dan sektor yang diberi keutamaan;

- (2) mengemukakan kajian ke atas kos penjaan tenaga elektrik di Sabah dan Sarawak.

Selaras dengan keputusan di atas, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sedang menjalankan kajian bersama dengan Lembaga Letrik Negara, Lembaga Letrik Sabah dan Lembaga Letrik Sarawak meliputi objektif berikut:

- (1) menentukan pilihan yang wujud untuk mengurangkan perbezaan tarif di seluruh negara;
- (2) menentukan kemungkinan kadar tarif yang seragam di seluruh negara; dan
- (3) menentukan kawasan luar bandar dan kawasan keutamaan yang boleh diberi pengurangan tarif atau "rebates".

Keputusan muktamad mengenai perkara ini akan diputuskan setelah hasil kajian di atas dikemukakan kepada Kerajaan untuk pertimbangan sewajarnya.

Mengenai penurunan tarif, bukan sahaja ianya mengambil kira keperluan pengguna di semua sektor tetapi juga mengambil kira kemampuan Lembaga-lembaga tersebut untuk menampung beban kehilangan hasil. Oleh itu, dasar dan amalan tarif Lembaga-lembaga tersebut adalah juga untuk memelihara keupayaan perkhidmatan mereka.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah kemungkinan penurunan tarif akan bermakna bahawa pengguna-pengguna di kawasan luar bandar akan dikenakan bayaran kadar minima sahaja umpamanya \$10 sebulan, memandangkan bahawa majoriti daripada golongan termiskin di negara ini datangnya dari kampung-kampung.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, masyarakat luar bandar terangkum dalam istilah "pengguna domestik" dan kebelakangan ini kadar tersebut belum lagi diturunkan. Kalau kita mengambil cadangan daripada Ahli Yang

Berhormat untuk bayaran minima \$10, mungkin ini akan berlaku ketidakadilan kerana di kalangan masyarakat luar bandar pun ada di antara mereka yang lebih mampu daripada yang lain. Oleh yang demikian, tarif mungkin dikaji berdasarkan kepada jumlah unit yang digunakan oleh keluarga luar bandar.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dengan keturunan tarif ini dijangka LLN akan kehilangan hasil, berapa banyakkah kehilangan hasil kepada LLN? Dan juga faedah pengguna, kalau peratus bayaran mungkin berkurangan sedikit, contohnya dalam \$1.00 berapa peratuskah yang berfaedah kepada pengguna, kurang berapa banyak peratusannya?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, kajian yang terakhir yang dibuat oleh pihak Kementerian untuk Semenanjung, jika sekiranya cadangan yang hendak dilaksanakan untuk pengguna domestik tidak kira bandar-luar bandar, maka kehilangan hasil mungkin pada jumlah \$100 juta. Dan apabila kita mengambil kira kehilangan hasil sebegini, Tuan Yang di-Pertua, biasanya kita juga melihat kemampuan jangka masa panjang Lembaga Letrik Negara untuk menampung kos pelaburan dan juga kos penyelenggaraan.

Jadi, apabila dibuat kemungkinan untuk menurunkan tarif, ianya mengambil kira tentang perkara-perkara seperti yang saya sebutkan.

BANTUAN KEBAJIKAN MASYARAKAT—KAJIAN

7. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan berapakah bantuan kewangan Kementerian itu kepada satu-satu negeri di seluruh Malaysia dan apakah Kementerian itu sedar bahawa bantuan yang diberi kepada setengah rakyat di luar bandar hanya \$25 sebulan dan tidak mencukupi untuk tambang mereka pergi dan balik; kalau sedar, apakah tindakan beliau atas perkara ini yang berlaku di kawasan beliau di Julau.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, jumlah peruntukan kewangan yang disediakan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat bagi membantu golongan yang kurang bernasib baik di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dalam tahun 1989 adalah lebih kurang \$11 juta.

Di samping itu, Kerajaan Persekutuan membiayai 50% daripada perbelanjaan tahunan yang dikeluarkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri untuk perkhidmatan kebajikan di peringkat negeri masing-masing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar bantuan yang diluluskan bagi sesuatu kes adalah di antara \$25 sehingga \$115. Bantuan itu berbeza di antara satu kes dengan satu kes yang lain bergantung kepada keadaan ekonomi dan sosial yang dihadapi oleh sesuatu kes itu. Dasar ini adalah diamalkan dalam semua kawasan termasuk kawasan Ahli Yang Berhormat iaitu kawasan Julau.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya fikir kalau bantuan-bantuan daripada Kementerian Kebajikan Masyarakat yang membawa lebih bermakna ialah untuk menyelenggarakan "rumah sendiri" terlebih dahulu. Soalan tambahan saya, adakah bangunan di bawah jagaan Kementerian berkenaan telah melengkapkan dengan benda-benda atau kemudahan-kemudahan untuk orang-orang yang tidak bernasib baik seperti orang-orang cacat di bawah Kementerian sendiri?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan itu keluar daripada soalan asal ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, bilakah kadar ini diperkenalkan. Mengikut laporan saya, kadar ini diperkenalkan lebih daripada 10 tahun yang lalu. Jadi kadar yang terendah \$25 ini 10 tahun yang lalu adalah berlainan daripada nilai \$25 sekarang. Adakah Yang Berhormat

bercadang untuk menaikkan kadar yang terendah \$25 ini sehingga \$110 yang telah disebutkan tadi mengikut pemakaiannya pada masa sekarang ataupun mengikut indeks pengguna ataupun apa-apa perkara yang boleh menempatkan nilainya \$25 dahulu bersama dengan \$25 sekarang.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih, Yang Berhormat. Memang ada dan Kementerian saya sedang mengkaji dan membuat satu kadar yang lebih daripada \$25 minimumnya. Buat masa sekarang perkara ini masih dibincangkan dengan Kementerian Kewangan.

UJIAN PENULISAN BAHASA MALAYSIA SRJK

8. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bahagian karangan dalam kertas ujian mata pelajaran Bahasa Kebangsaan dalam UPSR pada bulan Ogos lalu adalah di luar sukatan pelajaran dan ini akan menjejaskan keputusan murid-murid S.R.J.K. (C). Jika ya, apakah langkah-langkah Kementerian beliau telah mengambil untuk menjamin kepentingan murid-murid tersebut.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenyataan berhubung dengan Ujian Penulisan Bahasa Malaysia dalam UPSR SRJK yang dibuat di luar daripada sukatan pelajaran adalah tidak berasas sama sekali. Ujian Penulisan ini mengandungi dua soalan yang mesti dijawab. Kedua-dua soalan ini digubal berasaskan sukatan pelajaran Bahasa Malaysia Sekolah Rendah dan buku panduan khas Bahasa Malaysia SRJK (C) dan SRJK (T). Perkataan-perkataan yang digunakan dalam soalan 1 terdapat dalam senarai perbendaharaan kata Buku Panduan Khas Bahasa Malaysia Tahun 4, 5 dan 6. Perkataan-perkataan yang boleh digunakan bagi soalan 2 dalam UPSR itu juga terdapat di dalam Buku Panduan Khas Bahasa Malaysia yang dibekalkan ke semua sekolah. Perkataan-perkataan sepertimana

yang disebut "jemputan", "pegawai", "ucapan", "pendidikan"; itu ada dalam muka-muka surat yang ada keterangannya di sini.

MAS—LARANGAN MEROKOK

9. Tuan Jawah anak Gerang minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai dasar supaya merokok di setiap penerbangan di negara ini dapat dihapuskan sama sekali.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang mempunyai dasar mengenai larangan merokok dalam perkhidmatan-perkhidmatan Sistem Penerbangan Malaysia. Mulai 25hb Disember, 1988 kesemua perkhidmatan dalam negeri MAS iaitu penerbangan-penerbangan pada sektor-sektor di Semenanjung Malaysia dan sektor-sektor dalam negeri-negeri Sabah dan Sarawak telah menguatkuasakan larangan merokok semasa di dalam penerbangan. Larangan merokok ini telah juga dilaksanakan bagi semua penerbangan-penerbangan MAS antara Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Pulau Langkawi dan Singapura. Setakat ini Kerajaan belum membuat keputusan menghapuskannya sama sekali.

BOT IKAN TAIWAN MENDARAT DI PULAU PINANG

10. Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada benar atau tidak iaitu bot-bot ikan daripada Taiwan dibenarkan mendarat di Pelabuhan Swettenham Pulau Pinang. Sekiranya ini menjadi kenyataan nyatakan jumlah bot tersebut sejak tahun 1989 hingga sekarang ini. Pihak berkuasa manakah yang memberi kebenaran laluan masuk serta mendarat. Mengapa bot-bot tersebut tidak diarah supaya mendarat di jeti LKIM di Batu Maung, yang mana faedahnya akan diperolehi oleh Persatuan Nelayan Negeri.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa Kerajaan telah membenarkan vesel-vesel ikan daripada Taiwan mendarat di Pelabuhan Pulau Pinang di bawah Seksyen 15 (2) Akta Perikanan 1985.

Di bawah Seksyen 15 (2) Akta Perikanan 1985 telah menyatakan bahawa tiada vesel penangkap ikan asing boleh membuat atau memungkah apa-apa ikan, bahan api atau bekalan atau memindah kapal ikan di perairan perikanan Malaysia tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah Perikanan.

Untuk tujuan tersebut di atas, syarikat atau agen yang mengendalikannya vesel-vesel penangkap ikan dari luar negeri hendaklah membuat permohonan rasmi kepada Pengarah Perikanan Negeri-negeri. Kelulusan bersyarat akan diberikan hanya setelah pihak Jabatan Perikanan menyasiat dan berpuas hati dengan kewibawaan syarikat tersebut.

Pada tahun 1988, anggarannya adalah lebih kurang 70 buah vesel-vesel luar negeri terutamanya dari Taiwan telah membuat demikian di Pelabuhan Pulau Pinang. Sementara sehingga akhir bulan September, 1989 sebanyak 52 permit telah dikeluarkan kepada syarikat atau agen perkapalan ini.

Pada masa ini Pelabuhan Pulau Pinang lebih mampu menampung kemudahan keperluan bekalan dan aktiviti-aktiviti lain yang diperlukan oleh vesel-vesel penangkap ikan asing berbanding dengan keupayaan di jeti LKIM di Batu Maung, Pulau Pinang.

PEMBELI RUMAH YANG TERBENGKALAI

11. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) apakah langkah yang berkesan diambil oleh Kementerian mengenai pembeli-pembeli rumah yang terbengkalai oleh pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab; dan

- (b) apakah gantirugi yang boleh diberi oleh Kementerian bagi pembeli rumah yang mana potongan dibuat dan sehingga kini masih belum mendapat rumah setelah bertahun menunggu kerana kesalahan pemaju dan bukan kesalahan pihak-pihak lain.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan-jawapan yang hampir dengan soalan (a) telahpun dijawab oleh Menteri pada 7hb November 1989.
- (b) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam menyelesaikan masalah projek perumahan yang terbengkalai cuma menjadi orang tengah untuk membantu pembeli-pembeli supaya dapat menduduki rumah-rumah yang mereka beli. Berhubung dengan tuntutan gantirugi pula, sukalah saya memberitahu bahawa pembeli memang mempunyai hak menuntut daripada pemaju seperti yang termaktub di dalam Surat Perjanjian Jual-Beli yang ditandatangani antara pembeli dan pemaju.

BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH-SEKOLAH—PENGUNAAN

12. Tuan M. G. Pandithan minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah-langkah yang telah diambil dan akan diambil untuk memperbaiki lagi taraf penggunaan bahasa Inggeris di sekolah-sekolah bagi seluruh Malaysia.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah diumumkan Kerajaan telah memutuskan untuk meningkatkan penguasaan bahasa

Inggeris di sekolah-sekolah di seluruh negara. Untuk maksud tersebut satu rancangan komprehensif dan menyeluruh telah diperkenalkan. Ia dimulakan dengan meningkatkan mutu penyediaan tenaga mengajar di Pusat Bahasa, Universiti Malaya; Jabatan-jabatan Bahasa Inggeris dan Sastera Inggeris di universiti-universiti tempatan termasuk rancangan TESL (Teaching of English as a Second Language) di universiti-universiti tempatan dan di ITM. Di antara lain, usaha juga telah dibuat untuk mengirim pelajar-pelajar ke luar negeri khusus untuk meningkatkan mutu penguasaan bahasa Inggeris dan kembali sebagai pendidik di negara kita.

Rancangan latihan lain termasuklah langkah-langkah yang dibuat di peringkat Maktab Perguruan di negara kita dan juga kursus-kursus tambahan dalam perkhidmatan bagi guru-guru yang sedang mengajar bahasa Inggeris.

Di peringkat Kurikulum dalam KBSM umpamanya, waktu untuk belajar bahasa Inggeris ditambah bersama dengan mata pelajaran Sastera Inggeris yang diperkenalkan semula di sekolah-sekolah. Sepertimana yang kita sedia maklum Sastera Inggeris telah tidak diajar beberapa tahun yang silam dan kini diperkenalkan semula.

Langkah berikutnya ialah untuk memastikan agar kemudahan pelajaran dan pembelajaran termasuk bilik sumber, alat pandang dengan dan bahan-bahan bacaan untuk perpustakaan dalam bahasa Inggeris ditambah lebih dari yang pernah disediakan sebelumnya. Pertambahan bahan bacaan ini termasuklah "class readers", dengan izin, dan "extensive reading" yang bertujuan untuk memperkenalkan pengajaran bahasa dan kesusasteraan bahasa Inggeris.

Bahagian Sekolah juga telah melaksanakan kegiatan lain yang merangkumi aspek atau aktiviti ko-kurikulum dalam bahasa Inggeris seperti syarahan, pidato, peraduan bercerita, membaca dan sebagainya.

Dr Chen Man Hin: Tuan Speaker, soalan tambahan. Untuk menaikkan kadar taraf bahasa Inggeris di sekolah-sekolah kita termasuk primary dan secondary, bolehkah Menteri berkenaan mengambil cadangan saya supaya diadakan mata pelajaran separuh atau suku subjek-subjek di dalam bahasa Inggeris?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah diberikan pertimbangan dan difikir tidak sesuai. Yang diperlukan ialah waktu belajar bahasa Inggeris yang lebih, pelajaran Sastera Inggeris, waktu untuk menggalakkan pelajar-pelajar bertutur dalam bahasa Inggeris dalam darjah dan juga ko-kurikulum. Ini sendiri pun merupakan satu langkah yang jauh lebih maju dan kita rasa buat masa sekarang tindakan ini sudah memadai.

Puan Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa Kementerian Yang Berhormat menghadapi kekurangan guru-guru yang mengajar bahasa Inggeris? Kalau ya, macam mana Yang Berhormat bercadang untuk mengupahkan guru-guru tersebut?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, memang benar kita mengalami kekurangan guru bahasa-bahasa, bukan sahaja bahasa Inggeris bahkan Bahasa Melayu, bahasa Cina, bahasa Tamil. Sebab itu saya umumkan sebentar tadi bahawa jabatan-jabatan di Universiti tempatan telah diperluaskan, kemudahan melatih guru bahasa Inggeris di Maktab Perguruan juga telah ditambah dan guru-guru bahasa Inggeris yang telah bersara telah diminta untuk menyambung tugas mereka sebagai guru. Tetapi saya jangka kalau langkah ini dapat diteruskan, dalam tempoh 2 tahun mungkin kita tidak akan mengalami kekurangan.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Menteri telah menyenaraikan

langkah-langkah yang Kementerian beliau bercadang mengambil untuk mengatasi kemerosotan taraf penggunaan bahasa Inggeris sama ada dalam bentuk tulisan ataupun lisan. Tidakkah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa penurunan taraf penggunaan bahasa Inggeris di sekolah-sekolah di seluruh negara adalah akibat Dasar Pendidikan Kementerian beliau sendiri iaitu apabila Sastera Inggeris dibatalkan atau digugurkan samasekali dan kedua memperkenalkan satu sistem pengajaran yang digelar sebagai Communicational English, dengan izin, tidakkah

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Communication English.

Tuan P. Patto: Communication English. Tidakkah kedua-dua ini salah satu sebab kenapa taraf penggunaan bahasa Inggeris sama ada dalam bentuk lisan dan tulisan merosot dalam negara kita ini? Bolehkah Yang Berhormat Menteri memikul beban tanggungjawab atas penurunan taraf penggunaan bahasa Inggeris ini?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat patut membuat teguran itu lima tahun yang lalu, sekarang langkah-langkah telahpun diambil

Tuan P. Patto: Penjelasan, memang kita sudah membuat tetapi Kementerian Pendidikan sengaja tidak mahu mendengar dan mematuhi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Biar, Yang Berhormat.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Terima kasih. Langkah-langkah telah diambil, kurikulum baru telah diperkenalkan, jabatan-jabatan bahasa Inggeris telahpun dimulakan di Universiti; baru hendak ditegur. Terima kasihlah, tetapi terlambat sedikit. Walau bagaimanapun, memang benar apa yang disebut oleh Ahli Yang

Berhormat bahawa sementara Communication English, dengan izin, itu dianggap penting tetapi tidak mencukupi. Apa yang dilakukan sekarang ialah ditambah skop dan sukatan. Saya sendiri berpendapat bahawa penguasaan mana-mana bahasa juga sekalipun mesti didukung dengan kuatnya, dengan minat dalam sastera kerana ini akan mengukuhkan lagi penguasaan bahasa tersebut. Yang penting sekarang ialah bahawa langkah-langkah telah dan sedang diambil bahkan ditingkatkan.

Soal tahap penguasaan bahasa Inggeris yang menurun ini bukan perkembangan mutaakhir dalam beberapa tahun, ini kerana keputusan kita yang juga penting untuk melaksanakan Sistem Pendidikan dengan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Dasar ini penting, cuma kita berpendapat sekarang sementara kita mendukung dengan tegas Dasar Bahasa ini, tidak bermakna kita harus membiarkan kedudukan bahasa Inggeris itu dianggap kurang penting. Apa yang dilakukan sekarang ialah sementara memantapkan kedudukan bahasa dan sistem pendidikan kita, kita merasakan perlu untuk diambil langkah-langkah tambahan untuk meningkatkan dan mempertahankan mutu dan tahap penguasaan bahasa Inggeris.

PENDATANG HARAM DI SABAH

13. Tuan Taiman bin Lumaing minta Perdana Menteri menyatakan apakah polisi Kerajaan Persekutuan terhadap pendatang haram dan masalah pelarian di Sabah dan apakah langkah-langkah jangka pendek dan panjang yang diambil ke arah penyelesaian masalah tersebut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, polisi Kerajaan Persekutuan terhadap pendatang haram yang memasuki negara adalah jelas di mana kehadiran mereka di sini telah melanggar

undang-undang negara. Sebagai golongan yang tidak berhak tinggal di negara ini, mereka tertakluk kepada tindakan pengusiran. Golongan pelarian pula dibenarkan tinggal di negara ini atas dasar perikemanusiaan selaras dengan Piagam Bangsa-bangsa Bersatu. Walau bagaimanapun, mereka ini bebas untuk kembali ke negara asal mereka dan pihak Kerajaan Malaysia tidak akan menghalang mereka daripada berbuat demikian.

Sepertimana yang telah sedia maklum, Kerajaan telah menubuhkan Pasukan Petugas Khas sebagai satu langkah yang serius ke arah penyelesaian masalah tersebut. Adalah diharapkan dengan penubuhan pasukan ini, penyelesaian terhadap masalah ini akan dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan berkesan selaras dengan kepentingan nasional demi menjamin keselamatan negara, keharmonian serta kesejahteraan masyarakat.

Tuan Madatang bin Morejal: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adalah menjadi satu kenyataan bahawa sudah banyak soalan-soalan dan ucapan-ucapan yang telah dikemukakan di Dewan ini terhadap masalah pendatang haram di Sabah tetapi tidak dapat memberi kesan yang konkrit setakat ini. Adakah kehadiran pendatang haram secara berterusan di Sabah merupakan kegagalan Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan jaminan keselamatan kepada Sabah yang telah dijanjikan kepada Sabah sewaktu Sabah dijemput menyertai Malaysia?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, atas sebab-sebab yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat tadi, Pasukan Petugas Khas Persekutuan mengenai pendatang luar negeri di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan telah ditubuhkan pada 4hb April, 1989 yang mana bertujuan untuk merancang dan mengambil langkah-langkah untuk mengemaskinikan pendaftaran pendatang luar

negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan dan seterusnya mengkategorikan mereka sama ada sebagai pelarian, buruh asing atau pendatang haram. Oleh kerana pada masa ini badan ini sedang sebok untuk melengkapkan diri dalam menjalankan tugas-tugasnya, maka kekesanannya belumlah dapat kita pastikan tetapi daripada butir-butir yang telahpun dilakukan sebelum Badan Petugas Khas ini ditubuhkan iaitu mengikut banci Polis Di-Raja Malaysia pada tahun 1984, kita mendapati ada 257,859 orang pendatang haram semua kategori di Sabah dan mengikut banci yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri pada bulan Ogos 1987 hingga Disember 1988, kita mengenalpasti ada 335,500 orang pendatang luar negeri yang berasal dari Filipina dan 145,000 orang yang berasal dari Indonesia. Ini akan dijadikan garis yang kuat untuk Badan Petugas Khas untuk menjalankan tugas dan mengemaskinikan tentang hal-hal keselamatan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

Dato Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang dipertua, saya sebagaimana Timbalan Menteri mungkin sedar bahawa kebanyakan pendatang di Sabah itu memandangkan kepada angka yang telah disebutkan tadi bukanlah pendatang haram tetapi pelarian, dengan izin, refugees bukannya "illegal immigrants" dan kebanyakan mereka ini sedang pun mengisi satu kekosongan yang cukup perlu di Sabah iaitu sebagai tenaga kerja yang perlu dan juga kebanyakan mereka ini telahpun kata orang, beranak, bercucu dan telahpun diserapkan dalam masyarakat Sabah tanpa sebarang "effect social" yang negatif ataupun kejutan kebudayaan. Jadi, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa berbagai-bagai tindakan Kerajaan Negeri Sabah yang ada sekarang ini terhadap pelarian-pelarian ini adalah satu tindakan yang saya rasa berperni kemanusiaan. Jika sedar, adakah pihak Kerajaan Persekutuan bercadang

untuk memberi kerakyatan kepada pelarian-pelarian ini sebab itu adalah saya rasa satu tindakan yang paling logik dan bertanggungjawab.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tindakan tidak berperni kemanusiaan oleh Kerajaan Sabah itu tidak wujud, kerana sekarang ini sudah wujud kerjasama yang erat antara Kerajaan Sabah dan Persekutuan dalam mengendalikan masalah pendatang-pendatang tanpa izin luar negeri ini. Bagaimanapun, tiap-tiap rakyat asing yang ingin menjadi warganegara atau penduduk tetap negara ini terpaksa melalui saluran-saluran tertentu yang telahpun termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya melanjutkan soalan tambahan saya, nampaknya Yang Berhormat dari Kulim itu bukanlah tinggal di Sabah. Wakil dari Kimanis datang dari Sabah, Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan pendatang haram dan masalah pelarian ini ada dua perkara di mana kita ketahui pendatang haram adalah lebih kurang 500 ribu dan lebih kurang 75 ribu adalah pelarian ditempatkan di Kinarut. Jadi, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri bahawa apakah cara-cara ataupun langkah-langkah yang diambil pada waktu ini oleh Jabatan Imigresen dan juga pasukan keselamatan seperti polis untuk mengawal pergerakan pendatang-pendatang haram yang berhijrah daripada daerah ke daerah pada waktu ini di negeri Sabah?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana kita semua sedia maklum, gerakan pendaftaran adalah sangat mustahak. Sepertimana yang saya nyatakan tadi dua agensi telah menjalankan pendaftaran dan kedua-duanya mempunyai perbezaan yang besar. Dengan sebab itu, badan petugas ini akan mengadakan satu gerakan pendaftaran yang lebih menentukan bilangan yang seperti-

mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi. Oleh kerana gerakan pendaftaran yang lebih tersusun ini belum siap maka tidak dapatlah pihak badan petugas ini mengutarakan perkara-perkara lain yang boleh membendung sepertimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat tadi yang mana pendaatang-pendaatang ini akan berpindah daripada satu tempat ke satu tempat seperti dari Labuan ke Sandakan, Sandakan ke Tawau, ke Tawau balik ke Labuan dan sebagainya dan perkara-perkara ini akan dijalankan oleh badan petugas ini kelak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5 dan 14 hingga 24 adalah diberi di bawah ini).

HOSPITAL BARU—PEMBINAAN

5. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) tempoh masa yang akan diambil untuk membina setiap hospital baru dalam perjanjian bernilai \$60 juta dengan Britain. Adakah pembinaan akan dimulakan sekali gus atau mengikut darjat keperluan untuk kemudahan tersebut. Jika mengikut darjat keperluan untuk kemudahan, maka bolehkah Kerajaan memberi statistik yang menyokong keputusan Kerajaan;
- (b) apakah jaminan yang boleh diberi oleh Kerajaan yang kos bahan-bahan pembinaan, terutama sekali bahan-bahan yang diimport daripada Britain, tidak akan naik semena-menanya, dan akibat itu, kos keseluruhan projek; dan
- (c) dalam aspek-aspek pembinaan yang manakah bantuan kewangan daripada Britain akan dibelanjakan.

Mengapa aspek-aspek ini dipilih. Apakah bahagian jumlah besar perbelanjaan yang akan diguna untuk memperolehi sama ada bahan pembinaan atau teknologi/kepakaran Britain dalam seluruh projek ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Chua Jui Meng): Buat masa ini pihak Kerajaan sedang berunding dengan pihak yang terlibat. Butir-butir lanjut berkaitan dengan projek ini akan bergantung kepada hasil rundingan mengenai syarat-syarat kontrak yang masih lagi belum ditentukan.

PEGAWAI KERAJAAN KUMPULAN "A" AKTIF DALAM POLITIK

14. Tuan Haji Mohd. Sam Sailan minta Perdana Menteri menyatakan jumlah pegawai Kerajaan Kumpulan "A" yang terlibat di dalam parti-parti siasah di dalam negara. Apakah tindakan Kerajaan sewajarnya terutama yang telah dinasihatkan berhenti sejak 1985 hingga sekarang.

4-12-89

2. Tuan Haji Mohamad Yussof bin Haji Abdul Latiff minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) Jumlah kakitangan Kerajaan Kumpulan "A" yang mengambil bahagian aktif dalam politik. Dan berapa ramai yang telah meninggalkan jawatan Kerajaan untuk terus mengambil bahagian yang aktif dalam politik;
- (b) tindakan Kerajaan bercadang meminda peraturan supaya membolehkan kakitangan Kerajaan "A" itu dapat bergerak aktif dalam parti-parti politik. Jika tidak mengapa.

6-12-89

7. Tuan Hu Sepang minta Perdana Menteri menyatakan jumlah pegawai-pegawai Kerajaan divisyen satu yang bergiat secara aktif dalam parti-parti politik sebagai pegawai-pegawai parti di peringkat Cawangan, Bahagian atau negeri dan nyatakan mereka terdiri dari mana-mana Jabatan atau Kementerian-kementerian serta parti-parti politik mereka menganggotai dan apakah tindakan yang akan diambil terhadap mereka yang terlibat ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Saya mohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Y.B. dari Tasik Gelugor pada 4-12-1989 dan Y.B. dari Rasah pada 6-12-1989 kerana pertanyaan-pertanyaan itu mengenai perkara yang sama.

Sehingga 30 September 1989 seramai 272 orang pegawai awam Kumpulan "A" telah dikenal pasti bergiat secara aktif dalam parti-parti politik sebagai pegawai-pegawai parti di peringkat Cawangan, Bahagian atau negeri.

Pecahan mengikut Kementerian/Jabatan dan pentadbiran Kerajaan Negeri seperti berikut:

<i>Kementerian/Jabatan/ Pentadbiran Negeri</i>	<i>Jumlah</i>
Kementerian Pendidikan (Pegawai Perkhidmatan Pendidikan)	247
Kementerian Kewangan	2
Kementerian Pertanian	1
Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah	1
Kementerian Luar Negeri	1
Kementerian Perusahaan Utama	1
Jabatan Perdana Menteri	3

<i>Kementerian/Jabatan/ Pentadbiran Negeri</i>	<i>Jumlah</i>
Jabatan Imigresen	3
Jabatan Kastam dan Eksais Diraja	2
Jabatan Kebajikan Masyarakat	1
Jabatan Kerja Raya	1
Jabatan Belia dan Sukan	2
Jabatan Pengairan dan Saliran	1
Jabatan Perubatan dan Kesihatan	2
Jabatan Penerbangan Awam	1
Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang	1
Pentadbiran Kerajaan Negeri	4
Jumlah	272 orang

Pecahan mengikut parti-parti politik seperti berikut:

<i>Parti Poilitik</i>	<i>Jumlah</i>
UMNO	184
MCA	48
MIC	18
PAS	12
Parti GERAKAN	10
Jumlah	272 orang

Pegawai-pegawai yang berkenaan telah dinasihatkan supaya meletak jawatan politik sekiranya ingin kekal dalam perkhidmatan awam atau meletak jawatan dalam perkhidmatan awam sekiranya ingin aktif dalam politik. Berhubung dengan perkara ini, seramai 6 orang pegawai telah meletak jawatan perkhidmatan awam untuk mengambil bahagian yang aktif dalam politik dan 9 orang meletak jawatan politik untuk kekal berkhidmat dalam perkhidmatan awam.

Bagi mereka yang enggan mematuhi nasihat di atas, seramai 15 orang telah dikenakan tindakan tatatertib.

Kerajaan tidak bercadang untuk meminda peraturan supaya membolehkan kakitangan 'kerajaan Kumpulan "A" boleh bergiat cergas dalam parti-parti politik. Sebab-sebab Kerajaan tidak bercadang meminda peraturan tersebut:

- (i) Perkhidmatan awam dan politik berbeza dari segi peranan dan tanggungjawab.
- (ii) Sebagai penjawat awam, semua pegawai awam hendaklah mematuhi dasar dan peraturan yang telah digubal oleh Kerajaan tanpa mengira apakah parti yang membentuk Kerajaan tersebut.
- (iii) Setiap anggota perkhidmatan awam dilantik atas tanggungjawab dan amanah untuk memberi perkhidmatan kepada orang awam. Oleh yang demikian perkhidmatan awam hendaklah bersikap berkecuali dalam hal-hal politik dan ia hendaklah taat setia kepada Kerajaan yang memerintah. Sikap berkecuali dan taat setia ini perlu wujud dalam perkhidmatan awam kerana setiap warganegara perlulah dilayan sama rata tanpa mengira kaum, agama dan budaya serta fahaman politik.

- (iv) Penglibatan pegawai Kerajaan secara aktif dalam bidang politik, khususnya Kumpulan "A" boleh mewujudkan kelompok-kelompok politik di pejabat mengikut kelompok-kelompok parti yang dianggotai oleh pegawai Kerajaan yang berkenaan. Ini boleh menjejaskan kelicinan perjalanan tugas-tugas rasmi pejabat.

PENYELEWENGAN PEGAWAI PENJARA

15. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah penyelewengan pegawai penjara di negara ini yang telah didapati bersalah kerana melakukan berbagai kesalahan yang dikenakan sejak 3 tahun lalu. Apakah langkah ketat yang telah diambil bagi memperbaiki kelemahan kawalan di penjara negara kita.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Jumlah pegawai penjara yang telah diambil tindakan kerana melakukan penyelewengan bagi tempoh sejak 3 (tiga) tahun yang lalu sehingga Oktober 1989 adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Kesalahan/Penyelewengan	Tahun			
		1986	1987	1988	1989
1.	Kesalahan bersabit dengan dadah.				
	—Buang kerja	—	2	6	5
2.	Kesalahan bersabit dengan kelarian banduan				
	—Hukuman biasa di bawah Peraturan Penjara 1953	—	—	5	—
	—Hukuman biasa di bawah Perintah AmBab D	—	1	3	—
3.	Kesalahan bersabit dengan melesap/mengambil wang daripada banduan/keluarga banduan				
	—Hukuman biasa di bawah Perintah Am Bab D	—	—	1	—
4.	Kesalahan bersabit dengan rasuah				
	—Hukuman biasa di bawah Perintah Am Bab D	1	—	—	—
	Jumlah	1	3	15	5

CATATAN:

Hukuman biasa ialah hukuman selain daripada hukuman buang kerja dan turun pangkat.

Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil bagi mencegah pegawai-pegawai penjara melakukan penyelewengan adalah seperti berikut:

- (a) Mengatasi Masalah Pengedaran Dadah di Penjara—
- (i) Mengeluarkan Perintah-Perintah Tetap dan arahan-arahan dari semasa ke semasa bagi membanteras penye- ludupan dadah ke penjara dan di dalam penjara.
 - (ii) Bekerjasama dengan Jabatan Kastam dengan menggunakan anjing-anjing bagi mengesan dadah di dalam penjara.
 - (iii) Bekerjasama dengan Jabatan Polis Cawangan Anti Dadah di setiap negeri bagi mengenal- pasti pengedar-pengedar dadah di kalangan pegawai/kaki- tangan penjara dan banduan.
 - (iv) Membatalkan penerimaan bungkusan oleh banduan- banduan untuk mengelakkan penyeludupan dadah ke penjara melalui bungkusan.
 - (v) Melakukan pemeriksaan yang rapi ke atas pegawai/ kakitangan penjara dan banduan-banduan yang keluar masuk penjara supaya tidak menyeludup dadah.
 - (vi) Mengambil tindakan tegas ke atas pegawai/kakitangan penjara yang terbabit dengan penyeludupan dadah di penjara sama ada dikenakan tatatertib ataupun dihadapkan ke mahkamah mengikut per- bekalan undang-undang yang ada.
 - (vii) Pemeriksaan bilik-bilik banduan dan juga pelawat- pelawat.
 - (viii) Pemeriksaan kawasan di dalam penjara.
 - (ix) Mengadakan upacara ikrar oleh pegawai/kakitangan dan juga banduan-banduan.
 - (x) Mengadakan syarahan bulanan kepada pegawai/kakitangan di mana nasihat dan amaran diberi mengenai najis dadah.
 - (xi) Melekatkan poster-poster anti dadah di seluruh pelusuk bangunan penjara.
 - (xii) Memberi pendidikan kepada pegawai/kakitangan berkenaan dengan keburukan najis dadah.
 - (xiii) Menguji air kencing banduan dan pegawai/kakitangan.
 - (xiv) Menubuhkan Unit Kesela- matan Penjara untuk memeriksa bilik-bilik pada waktu malam dan siang hari.
 - (xv) Penubuhan Unit Anjing untuk mengesan dadah.
 - (xvi) Menyediakan peralatan mengesan najis dadah.
 - (xvii) Mendedahkan pegawai/kaki- tangan penjara kepada bahaya dadah melalui Drug Education Programme (dengan izin).
 - (xviii) Lawatan bercorak intensif kepada banduan-banduan.
- (b) Mengatasi Masalah Kelarian Banduan Daripada Penjara—
- (i) Mengenakan tindakan tata- tertib yang keras termasuk buang kerja ke atas pegawai/ kakitangan penjara yang didapati cuai menjalankan tugas.
 - (ii) Mempergiatkan rondaan di sekeliling penjara-penjara.
 - (iii) Menambahkan bilangan pegawai/kakitangan penjara bagi mengawal banduan- banduan yang perlu dibawa keluar daripada penjara misalnya untuk mendapatkan rawatan di hospital atau menghadiri perbincangan di mahkamah.
 - (iv) Membina lebih banyak menara-menara kawalan.

- (v) Menambahkan pemasangan "sport light" (dengan izin) di sekeliling tembok penjara.
 - (vi) Menambahkan pemasangan wire kecemasan di sekeliling pagar di atas tembok penjara bagi menghalang banduan-banduan memanjat tembok penjara.
 - (vii) Memindahkan banduan-banduan daripada penjara yang mengalami kesesakan ke penjara-penjara yang baru dibina/penjara-penjara yang tidak mengalami kesesakan.
 - (viii) Menghantar pegawai/kakitangan penjara menghadiri kursus keselamatan dari semasa ke semasa.
 - (xi) Mempergiatkan program pemulihan supaya ianya lebih berkesan.
- (c) Mengatasi Masalah Melesap/Mengambil Wang Daripada Banduan/Keluarga Banduan—
- (i) Mengenakan tindakan tata-tertib yang keras termasuk buang kerja ke atas pegawai/kakitangan penjara yang didapati bersalah.
 - (ii) Memberi ceramah-ceramah agama kepada pegawai/kakitangan penjara.
 - (iii) Melakukan pemeriksaan yang rapi terhadap rekod-rekod kewangan bagi banduan-banduan di penjara.
- (d) Mengatasi Masalah Rasuah—
- (i) Mengenakan tindakan tata-tertib yang keras termasuk buang kerja ke atas pegawai/kakitangan penjara yang didapati bersalah.
 - (ii) Melaporkan kes kepada Badan Pencegah Rasuah.
 - (iii) Melaporkan kes kepada Polis dan

- (iv) Memberi ceramah-ceramah agama kepada pegawai/kakitangan penjara.

PERUNTUKAN AD HOC KEMISKINAN

16. Tuan Haji Mohd. Shariff bin Jajang minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah sebenar yang diuntukkan bagi program "ad hoc" kemiskinan, berapakah yang sudah dibelanjakan;
- (b) berapakah jumlah keluarga miskin yang telah dikenalpasti dan layak menerima bantuan di dalam program kemiskinan mengikut negeri;
- (c) apakah ada program susulan dan berterusan Kerajaan selepas ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Jumlah peruntukan untuk Program Pembangunan Rakyat Termiskin untuk tempoh 1989-1990 ialah \$391.7 juta. Dari jumlah ini \$275.3 juta merupakan peruntukan yang sedia ada di pelbagai Kementerian sementara \$116.4 juta merupakan peruntukan tambahan. Memandangkan program ini baru dilaksanakan dan sedang berjalan, maka makluman balas mengenai jumlah yang telah dibelanjakan sehingga kini belum dapat dipastikan dengan tepat.

Jumlah sebenar keluarga termiskin belum diketahui kerana pegawai-pegawai Daerah masih membuat bancian secara berperingkat. Walau bagaimanapun, mengikut data Kajian Pendapatan Isirumah 1987, jumlahnya ialah seramai lebih kurang 171,000. Angka ini adalah kurang tepat kerana diperolehi melalui banci secara rambang (random sampling).

Dasar untuk membantu rakyat yang miskin memang sentiasa diberi penekanan dalam program-program pembangunan Kerajaan. Walau bagaimanapun, sama ada program membantu rakyat termiskin dalam bentuk yang ada akan diteruskan atau tidak selepas tempoh DEB, bergantung kepada perakuan Majlis Perundingan Ekonomi Negara dan keputusan Kerajaan mengennainya.

BAHASA KADAZAN/DUSUN DI SEKOLAH-SEKOLAH SABAH

17. Tuan Nurnikman Abdullah minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah bahasa Kadazan/Dusun akan diperkenalkan di semua sekolah di Sabah seperti yang beliau umumkan tidak lama dulu. Apakah persediaan yang telah dibuat setakat ini untuk membolehkan bahasa Kadazan/Dusun ini diperkenalkan sebagai satu mata pelajaran semua sekolah di Sabah.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kementerian Pendidikan masih dalam peringkat mengkaji dan meneliti kesesuaian pengajaran bahasa Kadazan/Dusun di semua sekolah di Negeri Sabah. Kementerian Pendidikan juga sedang meneliti beberapa laporan mengennainya dan merangka satu draf sukatan pelajaran bahasa Kadazan/Dusun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kementerian Pendidikan masih belum dapat memastikan bilakah masanya bahasa Kadazan/Dusun akan diperkenalkan di semua sekolah di Negeri Sabah.

PROGRAM PEMBANGUNAN RAKYAT TERMISKIN

18. Tuan Michael Asang minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) keberkesanan Program Pembangunan Rakyat Termiskin setakat ini;

(b) jumlah keluarga di Negeri Sabah yang sudah mendapat bantuan daripada program ini setakat 30-9-1989; dan

(c) adakah program ini akan dilanjutkan di seluruh negara selepas 1990.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Keberkesanan program ini tidak dapat dikesan lagi kerana kesemua program pembangunan rakyat termiskin masih lagi dalam pelaksanaan. Keberkesanan program ini hanya dapat dikesan pada tahun hadapan setelah pejabat-pejabat daerah dan agensi-agensinya melaksanakan menghantar laporan prestasi pelaksanaan program ini.

Jumlah keluarga di negeri Sabah yang sedang mendapat bantuan daripada Program Pembangunan Rakyat Termiskin, setakat 15 Oktober 1989 ialah sebanyak 1,785 keluarga.

Dasar untuk membantu rakyat miskin memang sentiasa diberi penekanan dalam program-program pembangunan Kerajaan. Walau bagaimanapun, sama ada program membantu rakyat termiskin dalam bentuk yang ada akan diteruskan atau tidak selepas tempoh DEB, bergantung kepada perakuan Majlis Perundingan Ekonomi Negara dan keputusan Kerajaan mengennainya.

BANDUAN LARI DARI PENJARA

19. Tuan Haji Mohamed bin Haji Yaacob minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sudahkah Kementerian ini menyiasat apakah punca terjadi kepada banduan-banduan boleh bergerak bebas tanpa kawalan kerana sudah banyak kes-kes yang berlaku mengenai banduan-banduan dapat keluar dari penjara.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayub: Memandangkan Laporan Jawatankuasa Penyiasat mengenai Layanan Banduan di

Penjara Pusat Kajang, Selangor telah diumumkan kepada orang ramai pada 16 November 1989, maka saya tidaklah lagi mahu menambah.

KEMUDAHAN KETENTERAAN AMERIKA DI SINGAPURA

20. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah-langkah penting yang telah, sedang dan akan diambil bagi menyiapkan diri dari pertahanan negara setelah kita mengetahui sikap Kerajaan Singapura yang telah bersetuju memberikan kemudahan kepada pengkalan tentera Amerika selain daripada Filipina. Apakah langkah ini tidak membimbangkan Malaysia dan apakah ianya tidak menghormati semangat ASEAN.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Soalan-soalan yang berkaitan dengan tawaran Kerajaan Singapura yang bersedia menjadi tuan rumah kepada kemudahan-kemudahan ketenteraan Amerika Syarikat telah saya jawab pada 30 Oktober 1989 semasa menjawab pertanyaan Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

Tawaran yang dibuat oleh Kerajaan Singapura itu telah ditentang keras oleh Malaysia khususnya dan negara ASEAN lainnya termasuk Indonesia. Malaysia tidak bersetuju kepada penubuhan suatu pengkalan tentera Amerika Syarikat yang baru di Singapura selain daripada yang ada di Filipina. Pendirian Malaysia adalah berasaskan kepada komitmen negara ini bersama-sama negara-negara ASEAN yang lain untuk mengujudkan suatu kawasan yang Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) di rantau ini apabila perkembangan-perkembangan di rantau ini mengizinkan kepada pencapaian hasrat tersebut. Walau bagaimanapun Malaysia tidak mempunyai sebarang halangan sekiranya tawaran Singapura itu tidak melibatkan penempatan tetap anggota-

anggota tentera Amerika Syarikat di Singapura dan hanya semata-mata bertujuan untuk menawarkan kemudahan-kemudahan servis dan bekalan yang terdapat di negara itu untuk kegunaan menyenggara kapal-kapal laut dan pesawat tentera Amerika Syarikat sahaja. Singapura memang telah mempunyai perkhidmatan-perkhidmatan seumpama ini.

Oleh kerana Amerika Syarikat sendiri telah menyatakan bahawa Kerajaannya hanya berminat menggunakan Singapura sebagai tempat menyenggara kapal-kapal laut dan pesawat udara yang dibuat secara bergilir-gilir (rotational) sahaja dan tidak bercadang untuk menubuhkan sebuah pengkalan tentera di Singapura, maka soal kita menyiapkan diri mempertahankan negara untuk maksud itu adalah tidak timbul sama sekali.

PELARIAN INDOCHINA

21. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Luar Negeri menyatakan mengapakah Malaysia tidak mematuhi kepada perjanjian yang telah dicapai dalam Persidangan Geneva mengenai pelarian Indochina pada bulan Jun tahun ini dengan menghalau lebih daripada 800 orang pelarian Vietnam (Vietnamese "boat people") yang mendarat di pantai-pantai negara baru-baru ini sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Pegawai-Pegawai di Persuruhjaya Tinggi Negara-Negara Bersatu bagi orang-orang pelarian (UNHCR).

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Rancangan Tindakan Menyeluruh atau Comprehensive Plan of Action yang telah dipersetujui di Persidangan Antarabangsa Mengenai Pelarian Indochina di Geneva pada bulan Jun 1989 mengandungi langkah-langkah tertentu untuk mencari penyelesaian yang menyeluruh dan berkeadilan kepada masalah pendatang haram Vietnam. Selaras dengan

Rancangan tersebut, Malaysia terus memberi perlindungan sementara kepada pendatang haram Vietnam yang tiba di negara ini. Ini mencerminkan dari jumlah yang tiba dalam tempoh sepuluh bulan yang pertama tahun ini iaitu seramai 15,428 orang. Mereka yang ditentukan bukan pelarian "bona fide" akan dihantar pulang sementara selainnya akan dipindahkan ke negara ketiga. Di samping itu, Malaysia terus membantu pendatang Vietnam yang ingin meneruskan perjalanan mereka.

MAHKAMAH MAJISTRET KELAS DUA—BILANGAN

22. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kehakiman menyatakan:

- (i) jumlah bilangan Mahkamah Majistret Kelas Dua di negara ini dan apakah syarat-syarat untuk melayakkan seseorang mendapatkan bantuan dari mahkamah-mahkamah ini;
- (ii) sejak Mahkamah Majistret Kelas Dua mula beroperasi dalam bulan Ogos, 1978, apakah jumlah bilangan kes yang didaftarkan sehingga Ogos 1989 dan bilangan kes yang terlibat yang dapat diselesaikan;
- (iii) adakah beliau sedar bahawa sistem MMKD mempunyai kelemahannya kerana ramai orang yang memenangi kes-kes mereka dalam MMKD tidak berupaya mendapatkan balik wang mereka daripada siberhutang kerana peraturan undang-undang yang komplikated yang terlibat dalam menguatkuasakan keputusan pengadilan, jika sedar apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian berkenaan;
- (iv) adakah beliau sedar bahawa syarikat-syarikat boleh diwakili oleh peguam-peguam dalam MMKD dan ini tidak adil bagi pengguna-pengguna berpendapatan rendah yang tidak mampu mendapatkan

representasi undang-undang, jika benar sama ada pindaan-pindaan akan dibuat kepada undang-undang berkaitan untuk menghalang representasi undang-undang dalam MMKD.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud):

- (i) Jumlah bilangan bilik bicara Mahkamah Majistret Kelas Dua di negara ini ialah sebanyak 14 buah. Syarat untuk membolehkan seseorang mendapat bantuan dari Mahkamah ini adalah kes sivil yang membabitkan tuntutan tidak lebih daripada \$3,000.00.
- (ii) Mahkamah Majistret Kelas Dua sebenarnya mula beroperasi pada 1 Januari 1987 dan bukannya Ogos 1987 seperti yang disebutkan. Jumlah kes yang berdaftar sejak mula beroperasi hingga Ogos 1989 adalah 11362 dan jumlah kes yang dapat diselesaikan 2637.
- (iii) Mengenai soalan (iii), adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Kehakiman kini sedang mengkaji cara-cara untuk memperkemas lagi peraturan dalam Mahkamah Rendah untuk mengurangkan masalah yang dihadapi dalam melaksanakan Perintah Mahkamah Tuntutan Kecil.
- (iv) Mengenai soalan keempat pula, Peguam hanya boleh mewakili syarikat yang kena tuntutan dalam Mahkamah Tuntutan Kecil. Peguam tidak dibenarkan mewakili syarikat yang membuat tuntutan. Untuk makluman Yang Berhormat, kajian juga sedang dibuat berkaitan dengan perkara ini bagi memastikan keadilan kepada pengguna-pengguna yang berpendapatan rendah.

LAMPIRAN "A"

BILANGAN MAHKAMAH MAJISTERET
KELAS 2 DI NEGARA INI

1. Johor	—	11
2. Kedah	—	12
3. Kelantan	—	8
4. Kuala Lumpur	—	1
5. Melaka	—	3
6. Negeri Sembilan	—	8
7. Pahang	—	8
8. Perak	—	18
9. Perlis	—	1
10. Pulau Pinang	—	4
11. Sabah	—	5
12. Sarawak	—	8
13. Selangor	—	9
14. Terengganu	—	7
		<u>103</u>

LAMPIRAN "B"

KES-KES YANG DIDAFTAR, SELESAI DAN
TUNGGAKAN DI MAHKAMAH TUNTUTAN
KECIL SEHINGGA SEPTEMBER 1989

Negeri	Jumlah		Tunggakan	
	Kes	Selesai	Kes	
1. Kuala Lumpur	1663	197	1466	
2. Johor	884	116	768	
3. Melaka	254	38	216	
4. Negeri Sembilan	557	92	465	
5. Selangor	1353	120	1233	
6. Perak	1097	199	898	
7. Kedah	292	61	231	
8. Perlis	19	0	19	
9. Pahang	571	69	502	
10. Terengganu	562	23	539	
11. Pulau Pinang	801	118	683	
12. Kelantan	501	45	456	
13. Sarawak	2286	1268	1018	
14. Sabah	522	291	231	
Jumlah	<u>11,362</u>	<u>2,637</u>	<u>8,725</u>	

PEMBANGUNAN EKONOMI
LABUAN

23. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan apakah rancangan pembangunan ekonomi untuk menggalakkan Pembangunan Ekonomi Labuan dan nyatakan sama ada beliau sedar semenjak Labuan dijadikan Wilayah Persekutuan,

perniagaan di situ telah merosot sebanyak 70% dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memperbaiki keadaan sedemikian.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Suleiman bin Mohamed): Kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah tertentu bagi menggalakkan pembangunan ekonomi Labuan. Di antaranya ialah:

- (i) meningkatkan perdagangan tukar barang (Barter Trade) dengan cara mengasingkan jeti tukar barang daripada jeti penumpang;
- (ii) mengadakan kemudahan kedai bebas cukai di Labuan sebagai usaha menggalakkan kedatangan pelawat-pelawat untuk membeli-belah di Labuan; dan
- (iii) memperbaiki kemudahan-kemudahan di kawasan pelabuhan untuk menggalakkan lebih banyak kapal singgah di Labuan.

Adalah tidak tepat jika dikatakan perdagangan dan perniagaan di Labuan telah merosot kira-kira 70% semenjak Pulau itu dijadikan Wilayah Persekutuan. Berdasarkan statistik dan kajian yang dibuat adalah didapati nilai eksport dalam sektor perdagangan tukar barang sahaja telah meningkat berbanding dengan nilai import. Sebagai contoh, pada tahun 1988 nilai import dalam sektor ini ialah \$743,119.05 manakala nilai eksport pula ialah \$49,204,679.41. Pada tahun ini sehingga bulan Mac 1989, nilai eksport pula ialah \$19,618,709.97 dan nilai importnya pula ialah \$34,062.95. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan sentiasa memberikan perhatian terhadap perkembangan dan kemajuan pembangunan di pulau tersebut melalui penyediaan rancangan dan program pembangunan yang telah dan akan dilaksanakan dari semasa ke semasa.

**PERTUBUHAN FREE MASON—
KEANGGOTAAN**

24. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah masih ada di negara kita ini orang-orang Islam yang masih menganggotai Pertubuhan Free Mason;
- (b) apakah Free Mason satu pertubuhan yang merbahaya terhadap Islam dan terhadap negara kita, di kacamata Kerajaan. Kalau merbahaya mengapa;
- (c) apakah tindakan Kerajaan untuk menentukan sesiapa saja yang pernah menjadi ahli Free Mason akan meninggalkannya dan bertaubat secara terbuka; dan
- (d) siapakah orang-orang kenamaan negara ini yang masih menjadi ahli Free Mason.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Sebagai sebuah pertubuhan yang sah di sisi undang-undang negara dan berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966, sesiapa sahaja boleh memohon menjadi ahli Pertubuhan Free Mason, termasuklah orang-orang Islam. Jumlah keahliannya lebih kurang 2,500 orang terdiri dari berbagai bangsa dan agama termasuk kira-kira 50 orang yang beragama Islam.
- (b) Kegiatan Free Mason umumnya adalah bercorak sosial dan kebajikan untuk ahli-ahli. Walaupun dipercayai upacara dan kaedah-kaedah bergerak Pertubuhan Free Mason adalah bertentangan dengan akidah Islam, setakat ini tiada bukti nyata yang menunjukkan Pertubuhan Free Mason adalah membahayakan negara, sama ada dari segi sosial ataupun keselamatan.

- (c) Kerajaan ingin mengulangi seruan yang dibuat di Dewan yang mulia ini pada 25hb Oktober, 1978 yang lalu oleh Y.A.B. Perdana Menteri ketika itu. iaitu menyeru kepada semua orang-orang Islam yang masih menjadi ahli Free Mason supaya bertaubat dan meninggalkan pertubuhan tersebut kerana upacara dan kegiatannya adalah bertentangan dengan akidah Islam.
- (d) Memandangkan Free Mason adalah pertubuhan yang sah disisi undang-undang maka sesiapa sahaja boleh menjadi ahlinya. Jadi tidaklah timbul soal sama ada yang menjadi ahlinya adalah orang-orang kenamaan negara atau sebaliknya.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN 1990**

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1990

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1990 dan Anggaran Pembangunan, 1990" dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (Hari Ketujuh)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

*(Timbalan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Jawatankuasa)*

Maksud B.19 (Jadual 1)—

*Maksud P.19 (Anggaran Pembangunan
1990)—*

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Kementerian Pertanian—
siapa sambung?

3.35 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Ong Tin Kim): Tuan Pengerusi, saya pohon menyambung jawapan bagi pihak Kementerian Pertanian kerana Timbalan Menteri ada urusan lain.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Boleh.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga membangkitkan mengenai Bahagian Pengesanan dan Penilaian. Suka saya menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa Bahagian Pengesanan dan Penilaian Kementerian Pertanian adalah bertanggungjawab mengesan pelaksanaan dan penilaian "impact" projek-projek pembangunan di bawah Kementerian Pertanian. Laporan pengesanan pelaksanaan projek dibentangkan dalam Jawatankuasa Perancangan dan Pelaksanaan Kementerian Pertanian tiap-tiap bulan.

Dengan laporan pengesanan bulanan ini, pengurusan tertinggi Kementerian dimaklumkan tentang kemajuan keseluruhan program pembangunan dan masalah-masalah dalam pelaksanaan projek-projek tertentu.

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Arau minta penjelasan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sebab Kementerian Pertanian ini penting tetapi tiga orang sahaja dibenarkan bercakap, jadi saya hendak bercakap bahagian inilah kerana semalam tidak dibenarkan. Dalam Bahagian Perancangan dan Pembangunan, Yang Berhormat telah sebutkan tadi bahawa tujuannya ialah untuk mengesan mengenai pembangunan dan juga masalah-masalah. Saya telah timbulkan selama tiga

tahun berhubung dengan masalah. Yang pertamanya, sempadan perikanan di Perlis ini terlampau kecil untuk nelayan mencari makan. Ini saya minta kalau boleh disatukan dengan Kedah. Apakah bahagian ini tidak dapat mengesan ataupun tidak ada komputer untuk melihat masalah yang ditimbulkan selama tiga tahun?

Yang keduanya, tentang Akta Perikanan. Apakah bahagian ini tidak mengesan tentang masalah Akta Perikanan yang telah menimbulkan rungutan di seluruh negara. Baru-baru ini pun ada kes di mana tangkapan dibuat di kuala iaitu pegawai-pegawai merin dan juga perikanan untuk membalas dendam kepada nelayan, dia tangkap di kuala bukan ditangkap di kawasan yang dianggap melanggar kawasan perairan dan sebagainya. Apakah perkara ini tidak sampai ke Bahagian Pengesanan? Saya ingin bertanya Yang Berhormat.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan sempadan perikanan Perlis dengan Kedah, setahu saya kerana sempadan ini adalah satu perkara antara pihak negeri ada berkaitan dengan Kerajaan Negeri. Jadi setahu saya satu mesyuarat telah diadakan di antara Kementerian Pertanian dengan Kerajaan Negeri Perlis dan Kedah dan satu understanding telah dicapai bahawa jikalau nelayan-nelayan dari Perlis memasuki perairan Kedah, tidak ada apa-apa tindakan yang akan diambil terhadap nelayan-nelayan di Perlis. Itu adalah satu understanding.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya ucap terima kasih. Apakah Yang Berhormat ingin menarik balik segala denda yang dikenakan kepada nelayan-nelayan ditangkap baru-baru ini yang telah melanggar kawasan perairan oleh kerana ada understanding yang sedemikian rupa? Sebab yang saya tahu, kawasan yang dinamakan kawasan Kerajaan Negeri ialah kawasan yang dianggap tiga batu daripada

pantai dan lebih daripada tiga batu adalah kepunyaan Kerajaan Persekutuan. Tetapi Yang Berhormat telah menjawab tadi bahawa ada understanding di antara Kedah dan Perlis. Tetapi baru-baru ini pegawai merin di Kedah telah menangkap nelayan-nelayan Perlis yang dianggap melanggar kawasan perairan. Bolehkah kita tarik balik dan Kerajaan bayar balik denda-denda yang telah dikenakan kepada nelayan-nelayan yang berkenaan?

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Pengerusi, saya tidak dapat berjanji boleh atau tidak Kerajaan akan bayar balik, kerana pampasan atau denda itu akan pergi kepada Treasury bukan ke Kementerian Pertanian. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya tidak ada matlamat yang terperinci berkenaan penangkapan nelayan yang disebut oleh Yang Berhormat dari Arau itu, mungkin ada juga sebab-sebab lain yang disebabkan nelayan itu ditangkap oleh Merin Polis, yang itu saya tidak dapat tahu, jadi saya tidak dapat berjanji apa-apa.

Berkenaan dengan Akta Perikanan, Kementerian sedang mengkaji semula Akta ini dan kita akan mengkaji keseluruhannya Akta tersebut dalam tahun ini dengan tahun hadapan.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan IADP, selain daripada laporan bulanan, laporan tahunan juga disediakan untuk kegunaan pengurusan dalaman dan agensi-agensi pusat juga.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga menyentuh soalan prestasi IADP. Tuan Pengerusi, beberapa kajian telah pun dijalankan untuk mengesan setakat manakah IADP telah berjaya di dalam membantu untuk membasmikan kemiskinan. Daripada kajian-kajian tersebut didapati peratus kemiskinan telah pun berkurangan, misalnya IADP Barat

Laut Selangor, kadar kemiskinan sebelum projek dilaksanakan dalam tahun 1978 adalah sebanyak 65%, sementara kadar kemiskinan dalam tahun 1987 adalah 44.7%. Sementara bagi Negeri Sembilan Timur juga kadar kemiskinan telah menurun daripada 72% dalam tahun 1981 kepada 44.6% dalam tahun 1987.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa IADP lebih menumpukan perhatian kepada pembinaan infrastruktur yang perlu bagi meninggikan pembangunan-pembangunan pertanian dan juga penyediaan perkhidmatan sokongan bagi meningkatkan pengeluaran hasil-hasil pertanian, dan seterusnya bagi meningkatkan pendapatan petani-petani dalam bidang pertanian.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat!

Tuan Shahidan bin Kassim: Sedikit sahaja Yang Berhormat, hendak tanya fasal IADP. IADP ini ialah duit pinjaman daripada luar terutamanya daripada Asian Development Bank—saya kurang pasti—tetapi itu di antaranya dan kebanyakan pinjaman luar ini dia mensyaratkan semua panggilan tender ini tawaran-tawaran yang terendah sekali yang dipilih. Jadi ini bermakna ada 2-3 projek yang diberi kepada yang terendah, akhirnya terpaksa dipanggil semula.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, mengapa kita harus terikat dengan syarat yang dikenakan oleh pihak luar. Sebagai contohnya projek IADP di Perlis. Projek ini kalau mengikut estimate daripada pihak jurutera ialah lebih daripada \$20 juta, tetapi oleh kerana ianya diberi

kepada terendah, hanya tawaran itu diberi kepada \$11 juta, sekarang terpaksa dipanggil semula dan saya percaya ini akan menelan belanja dua kali ganda. Adakah kita menerima syarat yang dikenakan oleh pihak peminjam luar ini untuk membolehkan mereka memberi pinjaman dan juga lain-lain perkara yang boleh merugikan Kerajaan Malaysia. Apakah kita masih terikat dengan syarat bahawa tawaran yang terendah itu diberikan kepada semua tawaran-tawaran yang dibuat dalam IADP yang dipinjam daripada luar.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Pengerusi, seperti yang dimaklumkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, kerana wang yang membiayai IADP itu adalah wang pinjaman dari World Bank ataupun Development Bank, jadi tiap-tiap pinjaman itu ada syarat-syarat yang tertentu dan kita harus mematuhi syarat-syarat yang tertentu itu, tetapi Kerajaan kebelakangan ini telah melonggarkan syarat tender ini supaya kita pilih kontraktor-kontraktor, pemborong-pemborong yang sanggup melaksanakan projek itu, tetapi berkenaan dengan IADP itu tergantung kepada syarat-syarat yang tertentu diikat kepada pinjaman-pinjaman yang kita terima itu. Mungkin juga pada masa hadapan kita akan mengkaji semula syarat-syarat ini dan membawa syarat-syarat yang lebih munasabah bagi negara kita.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga menyentuh kelewatan pelaksanaan dan kenaikan kos IADP. Kajian semula kos projek adalah satu perkara biasa dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan kerana semua maklumat yang diperlukan untuk pembangunan, perancangan mustahil didapati pada permulaan projek dan kajian terperinci perlu dijalankan semasa pelaksanaan. Di samping itu beberapa perubahan terpaksa dilakukan berdasarkan kepada keadaan semasa. Kelewatan yang berlaku dari segi pelaksanaan projek kadangkala adalah di luar daripada kawalan

pihak pengurusan kerana ianya melibatkan faktor-faktor lain seperti proses pengambilan balik tanah yang banyak menghadapi masalah dan juga pengalaman pegawai terhad semasa di peringkat permulaan projek dilaksanakan serta keadaan cuaca dan sebagainya. Pihak Kementerian memang dari semasa ke semasa sentiasa mengesan pelaksanaan projek-projek yang dilaksanakan bertujuan untuk memastikan ianya dapat dicapai pada tempoh yang ditetapkan. Antara tindakan yang diambil adalah menentukan pegawai-pegawai yang berpengalaman mewujudkan unit khas bergerak untuk pengambilan balik tanah dan mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap kontraktor-kontraktor yang lewat melaksanakan projek.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga menyentuh pampasan tanah IADP di Johor Barat I dan Krian, Sungai Manik. Berhubung dengan perkara ini, suka saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa bayaran pampasan pengambilan balik tanah dan IADP Johor Barat dan Krian, Sungai Manik langkah-langkah telah pun diambil di mana bayaran pampasan yang tidak dapat dijelaskan diamanahkan kepada Mahkamah Tinggi mengikut Seksyen 29 (2) di bawah Akta Pengambilan balik Tanah 1980.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap juga menyentuh berkenaan dengan rancangan memperluas quarantine dan import daging dari India. Tuan Pengerusi, Jabatan Haiwan memang mempunyai rancangan untuk memperbesar dan mewujudkan quarantine baru bagi menampung pengimportan lembu dan kambing daging dengan bilangan yang lebih besar. Stesen quarantine Padang Besar yang baru dibina boleh menampung dua hingga tiga kali ganda bilangan ternakan jika dibandingkan dengan stesen yang lama dan ia dijangka akan beroperasi awal tahun hadapan. Dua stesen lain juga yang boleh

menempatkan kambing dan lembu ialah Rantau Panjang dan Pelabuhan Kelang.

Berhubung dengan pengimportan daging dari India, ianya sentiasa dikaji dari masa ke semasa. Tuan Pengerusi

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Penjelasan. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa terdapat daging-daging yang diimport dari India, saya pernah sendiri dengan mata saya yang dia tulis tarikh 1956, makna kata daging itu berapa lama Tuhan yang tahu, dan daging ini tidak boleh tahan lama dan dia terpaksa dicampur dengan darah daging yang disembelih di sini untuk menunjukkan kesegaran—Yang Berhormat angguk kata tidak ada sebab Yang Berhormat tidak pernah beli daging, saya selalu beli daging. Jadi, apakah cara-cara yang dibuat untuk membolehkan pengguna-pengguna tidak tertipu iaitu jikalau kita beli daging, dia potong sedikit beri tidak cukup satu kilo, dia ambil yang bawah, yang bawah itulah daging India. Jadi dicampurkan daging import yang lama ini dengan daging yang fresh. Jadi, apakah penguatkuasaan dibuat kepada perkara tersebut?

Tadi Yang Berhormat ada sebut untuk kita membesarkan kuarantina di Padang Besar dan Golok, apakah itu daging daripada India masuk melalui keretapi? Setakat yang saya tahu dia masuk melalui kapal dan Port Kelang patut diperbesarkan lagi. Padang Besar dan Golok ini ialah untuk daging kambing dan juga lembu daripada Thailand ataupun daging lain.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Pengerusi, ini kali yang pertama saya dengar bahawa daging tahun 1956 telah datang ke negeri kita. Walaupun saya tidak pernah beli daging, saya ada melawat pasar-pasar di kawasan saya tiga empat kali dan juga saya melawat stor-stor daging kambing dan lembu juga, tetapi yang saya tengok itu daging lebih kurang baik—saya tidak

tahulah baik atau tidak baik, tetapi saya ingat nampaknya fresh-tetapi kalau ada

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan. Yang Berhormat melawat market, ini yang silapnya—melawat market memang dia keluarkan daripada tong. Yang saya perlu Yang Berhormat melawat semasa diimport, yang diimport rasmi itu mungkin 1970 tetapi yang tidak rasmi yang dibawa masuk bersama dengan yang rasmi itu yang menjadi masalah sekarang. Itu sebab sekarang ini orang kita ramai yang tidak sihat. Yang Berhormat, saya dan ramai yang tidak sihat, sebab makan daging yang lama, yang tidak ada khasiat lagi. (*Ketawa*) Yang Berhormat hendak check, Yang Berhormat kena check tempat dia simpan daging, bukan tempat membeli. Tempat membeli Yang Berhormat melawat tentulah tengok yang elok, saya pun Yang Berhormat datang tunjuk yang elok, Yang Berhormat pergi, saya beri benda buruk. Ini pengguna yang tertipu, Yang Berhormat.

Tuan Ong Tin Kim: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat dari Arau. Sekiranya ada perkara macam itu saya sukacita jika sekiranya Ahli Yang Berhormat itu laporkan kepada Kementerian saya ataupun pihak-pihak yang tertentu seperti Jabatan Haiwan ataupun Polis, tindakan dengan segera akan diambil terhadap pihak-pihak yang berkenaan.

Satu perkara berkenaan dengan pengimport daging-daging itu, saya ingat pun bukan sahaja Kementerian Pertanian yang berkaitan tetapi Akta Kawalan ini ada juga di bawah Kementerian Perdagangan.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang disentuh juga oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong ialah kekurangan data asas. Adalah tidak dapat dinafikan bahawa IADP-IADP yang mula di dilaksanakan memang terdapat kekurangan data-data asas. Walau bagaimanapun langkah-langkah telahpun

diambil untuk memperbaiki kekurangan data bagi IADP yang dilaksanakan kemudian dengan menjalankan kajian-kajian untuk mendapatkan base-line data. Bagi IADP yang terdahulu, kajian-kajian juga akan dijalankan semasa pelaksanaan projek untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang lebih lengkap mengenai golongan sasaran dan juga kesan pelaksanaan projek itu sendiri.

Tuan Pengerusi, berkenaan hal-hal, soalan-soalan, teguran-teguran dan juga segala pandangan-pandangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya tidak dapat menjawab atau sentuh pada hari ini, saya jamin Kementerian

Tuan Shahidan bin Kassim: Sedikit lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sudah habis, Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak habis lagi, sedikit lagi, beri peluang. Kementerian Pertanian yang penting beri tiga orang bercakap, ini pegawai datang berpuluh orang untuk hendak dengar laporan daripada kita

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sudah, Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya hendak bercakap, Tuan Pengerusi, saya hendak tanya sedikit soalan. (*Ketawa*) Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, yang pertamanya saya ingin bertanya sebab Yang Berhormat ada sebut perancangan tadi, ini tidak termasuk tetapi saya rasa Yang Berhormat boleh jawab, di bawah Butiran 140000 mengenai LPN. Bilakah Kerajaan bercadang untuk menaikkan harga padi ataupun subsidi kepada petani-petani oleh kerana subsidi dan juga harga padi ini diberikan pada 13 tahun yang lampau. Jadi

kita asyik bercakap fasal kemiskinan petani dan sebagainya, inilah punca kemiskinannya. Jadi kalau sekiranya Yang Berhormat tidak bercadang, adakah Yang Berhormat bercadang untuk membenarkan petani tidak menanam padi lagi sebab penanaman padi Yang Berhormat sedia maklum ialah penanaman yang boleh memiskinkan orang sampai hari kiamat. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat apakah Kerajaan bercadang untuk menaikkan subsidi kerana subsidi yang diberikan di Malaysia adalah di antara yang terendah dalam dunia kalau dibandingkan dengan Jepun yang diberi lebih daripada 150% tetapi di Malaysia tidak sampai pun 30%. Jadi, bilakah Kerajaan bercadang untuk menaikkan harga padi ataupun menaikkan subsidi padi untuk petani-petani?

Tuan Ong Tin Kim: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Arau juga. Perkara yang dibangkitkan itu sebenarnya bukan penjelasan ataupun apa-apa tetapi perkara yang baru—tidak mengapa. Walau bagaimanapun, saya suka memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini perkara tersebut adalah di dalam perhatian Kementerian dan satu kajian telah dan sedang dibuat tentang subsidi-subsidi kepada petani-petani.

Segala teguran dan juga pandangan yang saya tidak dapat menyentuh atau menjawab pada

Tuan Shahidan bin Kassim: Satu lagi teguran.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sudah, Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Satu lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat

Tuan Shahidan bin Kassim: Satu lagi teguran.

Tuan Ong Tin Kim: tidak dapat saya menjawab

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sudahlah, Yang Berhormat, dia sudah habis.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan oleh kerana ini pertama kali saya minta penjelasan, saya rasa Yang Berhormat boleh beri.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, dia

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Yang Berhormat sendiri belum buat keputusan lagi, Tuan Pengerusi. Saya minta penjelasan, boleh?

Tuan Ong Tin Kim: Boleh.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Dia beri kebenaran itu, terima kasih. Yang Berhormat mengatakan tadi bahawa Kementerian telah dan sedang membuat kajian tentang subsidi ini. Saya ingin tahu kajian yang macam mana yang dibuat sekarang ini, adakah hendak menambah subsidi atau hendak mengurangkan subsidi atau hendak menghapuskan subsidi? Terima kasih.

Tuan Ong Tin Kim: Apa yang saya dapat memberitahu kepada Dewan yang mulia ini iaitu satu kajian sedang dibuat oleh Kementerian saya. Saya tidak dapat membuka rahsia itu kerana belum dapat satu keputusan lagi. Maafilah.

Segala teguran dan juga pandangan-pandangan akan diambil perhatian dan tindakan sewajarnya akan diambil. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat,

masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$676,760,500 untuk Maksud B.19 di bawah Kementerian Pertanian jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$676,760,500 untuk Maksud B.19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$747,890,880 yang disebutkan dalam Maksud P.19 dalam Anggaran Pembangunan, 1990 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$747,890,880 untuk Maksud P.19 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1990.

Maksud B.20 (Jadual)—

Maksud P.20 (Anggaran Pembangunan, 1990)—

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.20 dan Kepala Pembangunan P.20 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

4.02 ptg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menarik perhatian mengenai Kepala Bekalan B.20 mukasurat 101, Butiran 020000—Pengalakan Perdagangan, Butiran Kecil 020100—Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang diperuntukkan sebanyak \$2,766,200.

Tuan Pengerusi, mengikut buku Program dan Prestasi Belanjawan, mukasurat 144 menyebut bahawa antara tujuan aktiviti perdagangan dalam negeri dan pengguna ialah bagi menentukan harga yang berpatutan dan bekalan yang mencukupi bagi barang-barang perlu.

Tuan Pengerusi, tentunyalah matlamat ini untuk memberi perlindungan kepada para pengguna yang menjadi pihak terpenting yang perlu dibela. Nampaknya dari prestasi aktiviti yang dilaporkan dalam Belanjawan, ceramah atau taklimat kepada pengguna yang dibuat dalam tahun 1987 ialah 35 kali dan tahun 1988 pula 16 kali sahaja. Saya merasakan bahawa ceramah kepada pengguna ini sangat kurang mendapat publisiti. Saya berharap kepada pihak Kementerian supaya mendatangkan kerjasama dari TV dan Radio serta akhbar-akhbar agar memberikan liputan yang lebih tentang hak dan peranan pengguna supaya mereka tahu apa kuasa mereka sebenar bagi mengelakkan mereka menjadi mangsa orang-orang berjual beli. Sepatutnya TV dan Radio mengurangkan tentang publisiti Menteri menyampaikan rasuah politik kepada orang ramai kerana ia tidak begitu bererti kepada pengguna tetapi taklimat dan penjelasan kepada para pengguna adalah lebih bererti. Antara usaha berkesan untuk mengawal harga ialah memastikan para pengguna tahu kuasa mereka dan sedar akan peranan mereka.

Oleh kerana mereka tidak disedarkan, mereka boleh dilenakan oleh Belanjawan Menteri Kewangan, tetapi belum sempat Belanjawan ini diluluskan, harga minyak tanah dan harga minyak diesel sudah dinaikkan. Padahal kurang dari seminggu sebelum Menteri Kewangan mengatakan bahawa Belanjawannya tidak menaikkan sebarang cukai, tetapi sama cukai naik atau tidak naik nampaknya rakyat terpaksa membeli barang dengan harga yang lebih.

Tuan Pengerusi, aktiviti pengguna berhajat untuk meletakkan harga berpatutan, tetapi tahun ini sahaja minyak petrol naik tiga kali dan susu tepung untuk kanak-kanak naik begitu tinggi, sebanyak 4 kali dari \$8.50 bagi EVERYDAY kepada \$11.60. Mengapa tahun ini susu naik sampai \$3.10. Kementerian Kewangan dalam ucapan Belanjawannya berjanji untuk menyusun semula cukai, antaranya ia melibatkan makanan. Belum pun sempat Belanjawan itu dibincangkan di peringkat Jawatankuasa, maka harga gula juga dinaikkan 10 sen sekilo. Bagaimanapun, kita setuju ia bukan sekadar melenakan rakyat tetapi boleh memutuskan nafas rakyat.

Tuan Pengerusi, minyak tanah adalah barang perlu, susu tepung bagi bayi adalah barang perlu, gula juga barang perlu. Aktiviti Hal Ehwal Pengguna tentunya telah dimaklumkan tentang langkah menaikkan harga susu, gula dan minyak tanah itu. Adakah unit ini merasakan harga lama itu cukup rendah? Dalam apa keadaan menaikkan harga susu adalah satu bentuk penindasan terhadap ibu-ibu dan bayi-bayi sendiri. Bayi-bayi sepatutnya diberi peluang untuk terus hidup dan membesar. Susu begitu penting bagi mereka. Kementerian tahu bahawa kanak-kanak tidak boleh hidup tanpa susu. Benar, susu ibu ada, tetapi Kerajaan mahu wanita bekerja di luar rumah, bila susu naik harga ia membebaskan ibu dan ibu terpaksa membeli susu untuk membolehkan bayi hidup dan membesar dan untuk membolehkan mereka terus bekerja. Tidak tahulah, takut Perdana Menteri berubah sikap pula tidak mahu 70 juta rakyat lagi maka orang-orang lelaki dikasi dan orang perempuan dimandulkan semua.

Tuan Pengerusi, peniaga tahu bahawa pengguna tidak boleh menanggungkan pembelian susu maka peniaga mengambil kesempatan mencari untung daripada bayi. Saya mencadangkan supaya bahagian ini

mendidik orang ramai supaya mereka tahu kewajipan mereka sebagai pengguna dan apabila pengguna cerdik dan merdeka maka di sinilah letaknya kejayaan unit ini.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada mukasurat 101, juga butiran kecil 020300—Penyertaan Bumiputera, yang telah diperuntukkan sebanyak \$730,300. Di mukasurat 145, Program dan Prestasi Belanjawan menyebut senarai bilangan pengedar-pengedar bumiputera dalam tahun 1986 dan 1987 sahaja.

Dua tahun dahulu ia menyenaraikan sama anggaran pengedaran tahun itu secara rambang tetapi tahun lalu aktiviti ini tidak menurunkan angka prestasi aktiviti. Mengapa? Adakah unit ini merasakan ia tidak berupaya untuk menunjukkan prestasi yang baik? Dari 28 jenis barang yang diedarkan hanya dalam 8 jenis barang sahaja pengedar bumiputera berjaya mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru yang mahukan penyertaan bumiputera sekurang-kurangnya 30% bila tempohnya tamat pada tahun 1990.

Tuan Pengerusi, penyertaan yang boleh dibanggakan itu ialah dalam mengedar motokar—30%, pam minyak—39%, minyak tanah ataupun pemborong—30.76%, Gas Petroleum Cecair (LPG)—38.9%, rokok—31%, simen—45.7%, cat—53%, Sanitaryware 39.5% dan alat-alat telekomunikasi 37.5%. Mengapa pengedar motosikal yang begitu laku di kalangan bumiputera di desa-desa pengedar bumiputera cuma 8.7% sahaja dan mengapa kebanyakan bumiputera yang memiliki basikal, tetapi pengedar cuma 0.06% tidak sampai 1%. Boleh jadi Kerajaan lebih menumpukan supaya bumiputera boleh jadi penjual kapal terbang seperti tornado agaknya, maka ia tidak terfikir perlu digaiakkan mereka menjadi penjual basikal.

Tuan Pengerusi, saya syak Kerajaan tidak menyebutkan bilangan dan peratus bagi

dua tahun akhir ini sebagai untuk mengelakkan kegagalannya yang ia tidak berjaya menggalakkan bumiputera dalam bidang pengedaran, justeru itu unit ini mencatatkan di mukasurat 145 prestasi tahun 1988 belum dapat diperolehi dan anggaran tahun 1989 dan 1990 tidak dibuat, apakah erti ayat ini? Ini tidak berlaku semasa Wakil Gua Musang menjadi Menteri dulu.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan pengedaran motokar bumiputera, saya tertarik hasrat Yang Berhormat Menteri berhajat untuk tidak lagi mengeluarkan AP, iaitu permit motokar terpakai dari luar kepada pengedar-pengedar bumiputera yang diyakini tidak menjual sendiri motokar berkenaan atau pengedar Ali Baba. Memang benar perbuatan Ali Baba ini memalukan bumiputera dari sudut mereka diberi permit tetapi mereka menjualkan permit itu kepada orang lain, sedang mereka mendapat untung yang sedikit, untung lebih banyak pergi kepada orang lain. Misalnya ialah amalan ini telah dibenarkan oleh Kerajaan secara tidak langsung, lama sebelum kita diperkenalkan dengan Dasar Ekonomi Baru. Amalan ini menyebabkan pengedar-pengedar motokar bumiputera itu telahpun terlibat dalam perniagaan yang Ali terpaksa bekerja dengan Baba. Soal Ali tidur dan Baba bekerja. Walaupun itu tidak wajar tetapi orang berniaga memang begitu. Soal mereka untung sedikit atau untung banyak adalah masalah yang tidak ada hubungan dengan soal patut ataupun tidak, AP dikeluarkan kepada mereka.

Tuan Pengerusi, yang jelasnya ialah perniagaan ini ada kerana adanya dasar Kerajaan memberikan AP kepada mereka. Dalam dunia perniagaan yang memaksa bumiputera berkongsi dengan orang lain adalah suatu yang tidak dapat dielak dan Kerajaan sendiri pun tidak punya satu formula yang jelas bagaimana bumiputera boleh mengelakkan AP itu tidak digadaikan. Kerajaan sendiri pernah terlibat untuk

menjadikan pembekal barang-barang seperti PERNAS tetapi agensi Kerajaan ini pun tidak boleh berjalan. Kerajaan pun tahu banyak agensi Kerajaan yang berniaga terpaksa tutup kerana tidak terdaya melawan saingan. Justeru itu dunia perniagaan pengedar motokar ini adalah bidang yang sangat mencabar yang bumiputera tidak terdaya melawan monopoli yang sudah kuat. Kalau Kerajaan sendiri tidak berjaya memecahkan monopoli tadi maka bagaimana bumiputera yang tidak ada pengalaman tiba-tiba diberi AP dan kemudian tanpa latihan dan orientasi perniagaan yang teratur diminta mereka berniaga sendiri, ia sama seperti melepaskan ayam di tengah-tengah kumpulan musang, tentulah habis dengan bulu-bulu ditelan musang.

(Tuan Yang Di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Suasana inilah yang menyebabkan pengedar bumiputera itu tidak mampu bersaing dan bila mereka dipaksa berniaga secara tidak langsung oleh dasar menggalakkan bumiputera tadi, mereka diberi AP. Bila dapat AP mereka terpaksa berniaga, terpaksa meminjam dari bank, terpaksa berhutang dan menggadaikan AP kepada pengedar yang sedia ada, dapatlah berpusing tetapi masalah mereka tidak pernah dijanji betul-betul oleh Unit Penglibatan Bumiputera ini maka terus diberi AP dari masa ke semasa. Sumber itulah yang membolehkan mereka menjadi pengedar. Mereka tidak boleh dapatkan bekalan dari sumber lain kerana tidak terdaya mereka hendak menghadapi saingan. Walaupun dengan menggadai AP itu untung mereka sedikit tetapi mereka boleh hidup dan bergerak cara yang termampu oleh mereka. Itulah galakan dan bantuan yang paling maksima yang Kerajaan boleh beri dan mereka tidak boleh buat lebih daripada itu. Bila AP tadi tidak dibenarkan lagi, tidak ada jalan lain mereka akan tutup kedai, tunggulah notis mufliis dari bank, apa alternatif yang Kerajaan fikir.

Tuan Pengerusi, itulah sedikit sebanyak dapat saya kemukakan dalam Dewan ini bagi mendapat perhatian pihak yang berkenaan dan saya harap apa yang saya sampaikan ini akan dapat diberi perhatian serta diambil tindakan sewajar, moga-moga tidak akan berlaku lagi dan akan menjadi beban kepada orang yang terlibat. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Bagan.

4.14 ptg.

Tuan Teoh Teik Huat (Bagan): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada

Dr Eng Seng Chai (Petaling Jaya): Tuan Pengerusi, point of order.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dr Eng Seng Chai: Tidak cukup kuorum.

Tuan Pengerusi: Tidak cukup kuorum, sila bilang—16. Sila bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir).

Tuan Pengerusi: 32 Ahli, sudah cukup kuorum. Sila teruskan, Ahli Yang Berhormat dari Bagan.

Tuan Teoh Teik Huat: Saya merujuk kepada mukasurat 101, B.20, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Butiran 020000—Penggalakan Perdagangan, Program/Aktiviti 020100—Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan juga 020200—Perdagangan Antara-bangsa.

Tuan Pengerusi, di dalam Buku Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1990 di mana Program Penggalakan Perdagangan dan Aktiviti Perdagangan Antarabangsa dan Penggalakan Eksport adalah bertujuan untuk mengekalkan dan menambah barang-barang eksport Malaysia di pasaran yang

sedia wujud di samping berusaha mendapat pasaran baru di negara-negara yang mempunyai potensi yang baik untuk mengimport dari Malaysia demi meningkatkan hasil negara.

Tuan Pengerusi, Kerajaan akan membelanjakan wang sejumlah \$32,098,600 bagi tujuan ini tetapi soalan yang harus kita bertanya ialah kita berusaha mendapat pasaran baru dari negara luar itu untuk siapa? Adalah satu jumlah wang yang sebesar yang akan dibelanja ini boleh membawa apa-apa faedah kepada rakyat Malaysia dan industri kecil dan sederhana tempatan khususnya bagi membantu peningkatan pelaburan dalaman? Saya tidak percaya bahawa perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana akan menerima faedah daripada usaha Kerajaan untuk mewujudkan pasaran baru oleh kerana kita tidak mempunyai perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana yang cukup yang mengeluarkan barangan untuk dieksport. Usaha-usaha Kerajaan hanya akan membawa faedah kepada syarikat-syarikat asing yang besar, yang berupaya untuk mengeluarkan dan mengeksport barangan mereka ke pasaran-pasaran baru yang telah diwujudkan oleh Kerajaan. Berjuta-juta wang rakyat dibelanjakan oleh Kementerian ini untuk membawa faedah kepada syarikat-syarikat asing yang bertujuan semata-mata untuk mencari keuntungan dan bukan kepada perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana tempatan yang harus diberi keutamaan.

Tuan Pengerusi, sebagai contoh, Malaysia sudah menjadi pengeluar pendingin udara utama dalam dunia dan syarikat yang mengeluarkannya ialah bukan kilang tempatan tetapi kilang Jepun, seperti Matsushita dan lain-lain. Begitu juga dengan industri elektronik di mana Pulau Pinang dianggap sebagai satu Silicone Valley outside California, dengan izin, di mana eksport itu bukan eksport oleh kilang-kilang

tempatan tetapi kilang-kilang asing yang dimiliki oleh orang-orang asing dan perindustrian tekstail juga.

Tuan Pengerusi, peruntukan yang lebih besar lagi hendaklah diberi bagi pembangunan industri-industri kecil dan sederhana. Sekarang ini cuma satu peruntukan yang kecil sahaja yang diberi, iaitu \$2,766,200 untuk emolumen dan lain-lain bagi menggalakkan perindustrian dalaman jika kita bandingkan dengan peruntukan perdagangan antarabangsa sebanyak \$32,098,600.

Tuan Pengerusi, walaupun pihak Kerajaan kerap kali menuntut bahawa ekonomi negara kita sedang bertumbuh dengan pesat dan adalah kukuh, sebenarnya pertumbuhan dan kekukuhan ini bukanlah pertumbuhan dan kekukuhan kita sendiri tetapi adalah kerana kita selama ini terlalu bergantung kepada faktor-faktor dari luar dan pelabur-pelabur asing sehingga kita tidak boleh berkawal lagi. Dalam lain perkataan, pertumbuhan ini terlalu bergantung kepada orang luar yang mana kita tidak mempunyai kawalan, kita tidak mempunyai struktur ekonomi sendiri untuk kita bersandar jika ekonomi luar menjadi buruk. Pada hakikatnya nyata sekali kita telah menempatkan diri kita di bawah telunjuk orang luar dan terpaksa mengharap belas kasihan dari orang luar, iaitu multi national-multi national dan kuasa-kuasa ekonomi luar.

Saya percaya pihak Kerajaan telah menyedari ini semua. Hakikatnya Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawannya telah mengatakan pelaburan dalam negeri yang tinggi adalah penting untuk pertumbuhan ekonomi yang stabil dan lebih kukuh dalam jangka panjang. Jikalau begitu, soalnya ialah kenapa pihak Kerajaan tidak melaksanakan apa-apa atau melakukan sambil lewa sahaja bagi memastikan pertumbuhan pembangunan dan pelaburan tempatan. Adakah insentif-insentif yang

diberi bagi menggalakkan pelaburan-pelaburan tempatan dan pembangunan industri-industri kecil dan sederhana adalah kurang cukup atau kurang menarik bagi pelabur-pelabur tempatan membuat pelaburan.

Tuan Pengerusi, kenapa rakyat Malaysia ini tidak menyahut atau berminat dengan insentif Kerajaan ini. Dan juga kenapa pihak Kerajaan gagal menarik minat dan menggalakkan keyakinan pelabur-pelabur tempatan, khususnya bukan bumiputera. Sebesar mana sekalipun insentif-insentif yang diberi tidak akan berjaya menarik minat pelabur-pelabur tempatan jika mereka ini telah hilang keyakinan terhadap Kerajaan dalam memberi mereka satu layanan yang adil. Pihak Kerajaan seolah-olah telah mengambil sikap untuk tidak mempedulikan tentang pelaburan tempatan kerana ianya akan didominasi oleh pengusaha-pengusaha rakyat Malaysia keturunan Cina dan pihak Kerajaan mengharapkan meningkatkan pelaburan asing untuk menutup kekurangan pelaburan tempatan akibat kekurangan pelaburan tempatan. Nampaknya pihak Kerajaan lebih senang membenarkan orang-orang luar mendapat untung daripada membenarkan rakyat Malaysia sendiri yang berketurunan Cina meraih hasil dari kekayaan negara kita. Insentif-insentif ekonomi sahaja adalah tidak mencukupi bagi meningkatkan pelaburan-pelaburan tempatan, tetapi ia hendaklah berjalan seiring dengan mengurangkan masalah-masalah etnik di dalam negara ini.

Tuan Pengerusi, pihak Kerajaan telah pergi begitu jauh sehingga terkeluar dari landasan untuk menggalakkan pelaburan-pelaburan dari luar dengan memberi bermacam-macam insentif seperti taraf printis, tenaga buruh yang murah, bahan-bahan mentah yang bercambah dan murah, penggunaan kuota eksport kita ke luar negeri dan yang berkesan dan paling segera di mana pelabur-pelabur luar begitu tertarik

ialah kelonggaran Industrial Coordination Act dalam tahun 1986 di mana pelabur-pelabur luar dibenar memegang ekuiti 100% jika beberapa syarat dipatuhi. Pada hakikatnya apa yang pihak Kerajaan buat sekarang ialah tidak kurang dari meminta dan merayu pelabur-pelabur asing datang dan merogol kekayaan negara kita.

Saya ingin bertanya di sini berapa lama lagi kita akan membuka jalan kepada pelabur-pelabur luar atau lebih mudah lagi berapa lama lagikah kita mahu mengemukakan orang-orang luar ini, sementara itu kita membiarkan orang-orang kita menjadi tambah kurus. Kalau kita lihat kepada jawapan yang diberi di Dewan ini pada 16hb bulan ini, jelaslah kepada kita semua bahawa keuntungan kewangan yang dibawa keluar oleh pelabur-pelabur asing pada tahun 1987, 1988 dan 1989 berjumlah \$10.292 billion pada tiga tahun ini. Saya mula was-was bahawa adakah wang yang disebut bermillion-million ringgit yang dikatakan telah dilaburkan oleh negara luar ke dalam negara kita bahawa sama ada wang itu benar-benar masuk ke negara kita ataupun orang-orang luar ini sebenarnya menggunakan wang-wang hasil tempatan bagi pelaburan mereka di negara ini.

Tuan Pengerusi, dari jawapan semalam oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di mana rakan saya dari Kampar telah bertanya sama ada benar bahawa pelabur-pelabur dari luar negeri tidak mengambil sebenarnya wang ke dalam negara ini untuk melabur tetapi untuk menggunakan guarantee oleh bank-bank di negara pelabur-pelabur ini untuk memberi satu guarantee di mana Bank Negara keluarkan wang itu. Apa yang terkejut ialah jawapan dari Setiausaha Parlimen itu di mana jawapannya ialah, "saya tidak sedar perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat". Dan juga beliau menjawab, "Walau bagaimanapun, saya akan menjawab secara bertulis selepas

mendapat penerangan daripada pegawai saya di Kementerian". Tuan Pengerusi, jawapan ini oleh Setiausaha Parlimen untuk satu perkara yang penting itu adalah tidak boleh diterima dan saya harap kita boleh dapat satu jawapan dari Menteri sendiri mengenai perkara ini.

Tuan Pengerusi, tanggungjawab besar yang terletak di hadapan kita sekarang ini ialah kita mesti memenangi balik keyakinan pelabur-pelabur dalaman kita supaya mereka ini dapat membawa balik ke negara kita ini wang yang berjumlah berbilliion-billion ringgit yang dilabur oleh mereka di luar negeri.

Tuan Pengerusi, capital flight, dengan izin, yang dianggarkan ialah lebih kurang \$3 billion setahun diambil keluar dari negara. Saya harap Kerajaan boleh memanggil pelabur-pelabur itu mengambil balik wang itu.

Tuan Pengerusi, dasar merit dan kebolehan seseorang dan bukan perhatian kepada kaum-kaum tertentu hendaklah menjadi kriteria bagi memastikan kejayaan dalam dunia perniagaan dan untuk menguatkan ekonomi kita atas asas jangka panjang. Jika pihak Kerajaan boleh melonggarkan, dengan izin, Industrial Coordination Act seperti masalah ekuiti bagi menyesuaikan orang-orang luar, mengapa pula pihak Kerajaan tidak boleh melakukan perkara yang sama kepada rakyat sendiri demi untuk kepentingan ekonomi jangka panjang negara ini.

Tuan Pengerusi, terdapat skop yang begitu besar untuk membangunkan industri-industri kecil dan sederhana tempatan kita dengan menggunakan bahan-bahan mentah tempatan dan mengeluarkan bahan-bahan atau barangan untuk pasaran tempatan dan untuk eksport. Industri-industri ini akan memberi keuntungan jangka panjang kepada rakyat dan negara ini. Ia bukan sahaja akan memberi peluang-peluang

pekerjaan yang tetap bahkan ia juga akan membantu meningkatkan pendapatan rakyat di luar bandar. Wang negara kita juga akan kekal di Malaysia ini dan wang-wang keuntungan tidak akan mengalir keluar ke negara-negara luar sepertimana yang dilakukan oleh pelabur-pelabur luar yang berada di negara kita sekarang.

Adalah juga tidak disangsikan lagi bahawa industri-industri kecil dan sederhana akan memberi lebih keuntungan kepada perusahaan tempatan dan ekonomi negara kita dan bukan kepada korporat-korporat multinational yang dipunyai oleh orang luar. Sikap condong kita dan membesar-besarkan syarikat dan pelaburan-pelaburan luar hendaklah dibetulkan semula dan satu pendekatan yang lebih seimbang terhadap industrialisation, dengan izin, dengan membangunkan industri-industri kecil dan sederhana dalaman kita sebagai satu cara kekuatan ekonomi kita hendaklah dibentuk.

Korea Selatan, Hong Kong, Taiwan dan Singapura hendaklah dijadikan teladan kepada ekonomi kita di mana industri-industri kecil dan sederhana telah membuat negara itu tahan lasak dan menjadi teguh. Inilah sebab mengapa hari ini keempat-empat negara ini menjadi negara NIC, ataupun negara industrial yang baru dan berupaya untuk menepis dan tidak terjejas dengan naik turunnya ekonomi antarabangsa.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bercakap tadi atas dasar.

Tuan Teoh Teik Huat: Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada satu perkara lagi, Butiran 030000-Pendaftaran Perdagangan dimana Butiran 030100-Pendaftaran Syarikat.

Tuan Pengerusi, ada tuduhan-tuduhan terhadap penyelewengan untuk mengeluarkan saham untuk minority shareholders di

syarikat-syarikat dan di sini saya ada satu aduan oleh seorang minority shareholders di mana di dalam satu surat beliau telah menulis kepada Pendaftar Syarikat beliau membuat tuduhan bahawa minority Shareholders' interest tidak dilindungi.

Tuan Pengerusi, pada 9 haribulan, salah seorang dari minority shareholders di Gula Perak Berhad menerima satu prospektus dari syarikat ini membenarkan minority shareholders untuk membeli saham dengan satu ringgit at par dan tarikh tutup bagi memberikan saham itu adalah 14hb Oktober 1989. Beliau telah menghantar satu banker' draft (demand draft) bagi \$2,000 untuk membeli saham itu pada 9hb Oktober 1989 dan selepas beberapa hari, beliau menerima satu surat yang memberitahu bahawa tarikh penghantaran surat beliau telah keluar dari tarikh yang ditetapkan untuk membeli saham. Oleh kerana itu permohonan beliau telah ditolak.

Tuan Pengerusi, soal ini akan saya tanya kepada Pendaftar Syarikat dan harap satu siasatan yang harus dibuat ialah mengapa satu surat yang dihantar pada 9hb Oktober 1989 dan tidak boleh diterima dalam masa enam hari, manakala satu surat dari Share Registrar itu dihantar pada 2hb November 1989 boleh diterima oleh beliau dalam masa dua hari sahaja. Saya harap penyelewengan ini akan disiasat dan minority shareholders interest akan diperlindungi.

Tuan Pengerusi, inilah sedikit pandangan saya dan saya harap Menteri Perdagangan dan Perindustrian boleh memberi satu jawapan yang memuaskan. Sekian.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

4.35 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Pengerusi, saya bercadang bercakap secara ringkas atas dua perkara sahaja. Yang

pertama saya ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi kepada mukasurat 102, Maksud B.20, Butiran 050000—tajuknya ialah berkaitan dengan Perlindungan Pengguna.

Sungguhpun saya memerhatikan bahawa peruntukan untuk Bahagian Perlindungan Pengguna dalam Kementerian yang berkenaan telah ditambah apabila kita membandingkan peruntukan yang disediakan pada tahun akan datang dan peruntukan yang telah diperuntukkan untuk tahun 1989, akan tetapi saya berpendapat bahawa banyak lagi yang dapat dilaksanakan oleh Bahagian Perlindungan Pengguna dan setakat apa yang saya ketahui, apa yang telah dilaksanakan sehingga hari ini adalah masih tidak dapat memuaskan para pengguna di negara kita.

Saya suka melihat Kerajaan berbuat lebih banyak untuk perlindungan pengguna-bukan hanya memberikan apa yang saya sifatkan sebagai perhatian token, ataupun token attention, dengan izin, bagi hal ehwal pengguna.

Saya mencadangkan supaya Kerajaan hendaklah menyemak semua usahanya yang diambil selama ini untuk menggalak perlindungan pengguna dan kepentingan pengguna-pengguna dengan satu pandangan ataupun dengan satu tujuan untuk memastikan bagaimana usaha-usaha ini berfaedah kepada para pengguna. Walaupun Kementerian telah melantik seorang Pengarah bagi hal-ehwal pengguna untuk mengetuai Bahagian Hal-ehwal Pengguna dalam Kementerian ini, tetapi saya ingin bertanya apakah kuasa yang ada pada Pengarah yang membolehkannya bertindak serta-merta di atas segala aduan-aduan yang diterima dari para pengguna.

Setakat mana yang saya ketahui, Pengarah berkenaan tidak mempunyai kuasa-kuasa yang cukup untuk bertindak sendiri, tetapi hanya boleh merujuk apa-apa aduan kepada pihak berkuasa berkenaan

untuk tindakan mereka. Ini pada pendapat saya adalah tidak memadai untuk mendatangkan faedah kerana beliau akan hanya memainkan peranan sebagai Biro Pengaduan, ataupun Complaints Bureau, dengan izin, yang hanya dapat menyalurkan aduan-aduan kepada pihak berkuasa tertentu untuk tindakan mereka.

Saya suka melihat Pengarah berkenaan diberikan kuasa yang mencukupi untuk bertindak dengan segera dan beliau mempunyai pegawai-pegawai penguatkuasa secukupnya untuk bekerja di bawah beliau dalam melaksanakan tugas-tugas yang telah ditentukan.

Satu perkara lagi yang saya ingin menyentuh di sini atas perbincangan tajuk Perlindungan Pengguna ialah Majlis Penasihat Kebangsaan bagi perlindungan pengguna yang terletak di bawah bidangkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Saya rasa bahawa perkataan penasihat ataupun advisory, dengan izin, patut dimansuhkan dari MPKPP ini bagi membolehkan Majlis diberikan lebih banyak kuasa untuk melindungi para pengguna untuk menyemak undang-undang pengguna yang ada dan berada dalam satu kedudukan yang mempengaruhi Kerajaan memperkenalkan undang-undang baru atau meminda undang-undang yang sedia wujud, bukan hanya bertindak sebagai sebuah Badan Penasihat sahaja. Ahli-ahli Majlis mestilah orang-orang yang berpengalaman dalam hal ehwal pengguna.

Adalah juga menjadi pandangan saya bahawa Majlis haruslah ditarik keluar dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Majlis akan lebih berkuasa (with more teeth), jika diletakkan di bawah JPM, bukan sekarang diletak di bawah Kementerian.

Meletakkan Majlis di bawah JPM ialah langkah pertama yang patut diambil untuk

memperkuatkan perlindungan pengguna dan ini patut pada akhirnya menuju kepada penubuhan sebuah Kementerian Hal Ehwal Pengguna supaya dapat memikul tugas penuh tentang hal ehwal pengguna dalam negara kita.

Perkara ketiga yang saya ingin membangkitkan di sini ialah mengenai undang-undang pengguna. Langkah-langkah mestilah diambil untuk menyemak dan mengemaskini pelbagai undang-undang pengguna bagi menampung perubahan keperluan untuk perlindungan pengguna yang lebih berkesan. Akta Sewa-Beli (Hire Purchase Act), dengan izin, yang digubal dan diluluskan pada tahun 1967 sudah lapuk. Saya dukacita menyatakan bahawa meskipun pindaan kepada Akta ini telah banyak diperkatakan sejak tahun 1981 tetapi tidak ada apa yang dilakukan untuk meminda Akta Sewa-Beli yang dibuat dalam tahun 1967.

Undang-undang pengguna yang baru patutlah diperkenalkan jika undang-undang yang wujud sekarang tidak berupaya memberi perlindungan berkesan kepada para pengguna.

Sebagai contoh, satu Akta Kredit Pengguna (Consumers Credit Act), dengan izin, memang sudah lama ditunggu-tunggu kerana Akta Sewa-Beli sekarang sudah ketinggalan zaman. Akta Kredit Pengguna yang dicadangkan adalah diperlukan untuk memperuntukkan pelesenan bagi semua jenis pemberi kredit, broker dan perniagaan yang menawarkan sewaan yang bertempoh panjang dan kawalan am ke atas perniagaan kredit termasuk dokumentasi dan pengiklanan.

Lebih-lebih lagi saya suka mengambil kesempatan ini untuk menyeru Bahagian Perlindungan Pengguna dalam Kementerian menyemak semua undang-undang semasa yang berhubung dengan perlindungan

pengguna yang berselerak di bawah pelbagai Akta dan membawanya bernaung di bawah satu payung undang-undang yang komprehensif yang boleh dikenali sebagai Akta Perlindungan Pengguna ataupun satu Comprehensive Consumers Protection Act, dengan izin.

Perkara yang akhir saya ingin menyentuh di sini ialah mengenai Butiran 01100 yang terkandung dalam mukasurat 103 mengenai kemajuan perindustrian industri kecil. Mengenai pembangunan industri kecil negara kita, saya ingin menyeru Kerajaan, penubuhan sebuah Perbadanan Industri Kecil yang boleh bertindak sebagai satu pihak berkuasa pusat bagi merumus dasar-dasar dan program untuk membangun, meningkatkan dan memodenkan industri-industri kecil.

Perbadanan ini boleh membantu menyelaras secara berkesan perkhidmatan dan program bantuan pelbagai agensi bagi menampung industri-industri kecil dan sederhana.

Di samping menjadi tempat tumpuan perkara yang sangat diperlukan di dalam industri kecil dan sederhana boleh menghalau untuk mendapatkan bantuan, perbadanan ini boleh melaksana dan mengawasi kemajuan dasar-dasar dan program yang telah diputuskan.

Untuk meningkatkan proses urbanisasi luar bandar, Kerajaan patut memberikan lebih banyak galakan kepada penubuhan industri kecil dan sederhana dalam kawasan luar bandar menerusi insentif-insentif yang lebih baik, kemudahan-kemudahan infrastruktur, penyediaan tanah perindustrian pada kadar harga yang mampu supaya industri-industri boleh bergerak dan membangun lebih tahan lama. Faedah-faedah urbanisasi luar bandar adalah peningkatan ekonomi, peluang-peluang pekerjaan dan penyelerakan industri-industri.

Mengenai pembangunan industri, saya juga menyeru Kerajaan supaya membina satu infrastruktur sokongan yang lebih kuat bagi kegiatan penyelidikan dan pembangunan terutama dalam rekabentuk barangan, keupayaan pembangunan dan keupayaan kejuruteraan. Malaysia membelanjakan sebahagian kecil Keluaran Kasar Negara dalam lingkungan 0.7% ke atas penyelidikan dan pembangunan berbanding dengan negara-negara membangun antara 2% dan 3%.

Untuk menggalakkan pertumbuhan lapangan penyelidikan dan pembangunan sektor swasta dan untuk meningkatkan perhubungan antara sektor swasta dan institusi penyelidikan anjuran Kerajaan, saya suka mencadangkan bahawa Kerajaan patut memberi bantuan kewangan terus-menerus bagi penyelidikan dan pembangunan sektor swasta dalam bentuk memberikan bantuan gran. Sekian.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

4.48 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Saya menyentuh kepada mukasurat 102, Butiran 060000—Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia dengan juga menunjuk kepada Anggaran Belanjawan Program Prestasi, mukasurat 148 yang mana tujuan perbelanjaan yang diminta ini adalah untuk menggalak dan menyelaraskan pembangunan perindustrian di negara ini oleh MIDA. Strategi ialah untuk Lembaga ini berusaha untuk mempergiatkan aktivitinya dalam menggalakkan pelaburan dari luar negeri dan dalam usaha ini akan memberi tekanan terhadap penggalakan industri-industri berasaskan sumber tempatan, industri-industri berteknologi tinggi termasuk industri persis dan industri sampingan dan sokongan serta industri-industri yang berorientasikan eksport.

Tuan Pengerusi, ingin saya menyentuh kepada satu jawapan yang telah diberi kepada saya oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dalam satu persidangan Parlimen dahulu bahawa pihak Kerajaan akan memberi perhatian berat kepada perlindungan alam sekitar apabila meluluskan permohonan projek besar khasnya mereka yang melibatkan pelaburan asing.

Saya ingin mengingatkan di Dewan yang mulia ini bahawa kebanyakan daripada projek perindustrian besar itu khasnya industri-industri berat yang menggunakan tenaga yang tinggi, yang melibatkan pelaburan yang tinggi itu, dengan izin, capital intensive and energy intensive. Industri-industri berat itu selalu membawa bahaya dan risiko pencemaran alam sekitar yang paling tinggi. Saya berikan satu contoh, aluminium smelting yang sudah dialami oleh rakyat di Jerman Barat, Tokyo dan Amerika Syarikat. Yakni apabila projek seperti ini dilaksanakan, sisa pembuangan dari kilang industri itu akan mencemarkan alam sekitar sehingga hidupan liar dan kehidupan manusia terganggu.

Maka saya meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri nanti dalam jawapannya kelak, beliau boleh memberikan jawapan kepada saya. Dalam satu projek aluminium smelting yang dicadangkan yang telah diluluskan oleh MIDA itu yang akan terletak di Bintulu, adakah laporan penyiasatan kesan alam sekitar ataupun environmental impact assesment telah dibuat? Siapakah yang membuatnya? Sebagai contoh sahaja, siapakah yang membuatnya? Dan bilakah boleh laporan ini diumumkan kepada orang ramai supaya penduduk-penduduk tempatan boleh menyiasat dan mengkaji bagaimana mereka akan dikesankan?

Dan saya mengalu-alukan satu dasar baru bahawa sebelum sesuatu projek industri berat seperti aluminium smelting ini diluluskan dan dilaksanakan, environmental impact assesment perlu disediakan untuk

kelulusan oleh pihak Kementerian berkenaan. Itu satu langkah yang baik dan saya harap dasar ini akan dilaksanakan dengan berkesan. Maka soalan saya ialah berapakah projek-projek baru yang melibatkan kemungkinan mencemarkan alam sekitar ini telah mengemukakan environmental impact assessment itu untuk ditimbang oleh Kementerian Alam Sekitar itu. Adakah peraturan ini diikuti dengan ketat? Sebab ini akan menentukan sama ada rakyat Malaysia akan benar-benar mendapat keuntungan daripada pelaburan asing ataupun tidak. Sebab sekarang ini banyak industri berat itu yang dijalankan oleh transnational dipindah kepada dunia ketiga sebab dalam negara-negara asalnya seperti Amerika Syarikat, Jerman Barat, Tokyo, rakyat mereka sudah sedar tentang risiko pencemaran alam sekitar. Maka mereka, syarikat-syarikat transnational ini mahu memindahkan industri ini kepada dunia ketiga seperti Malaysia di mana rakyat mungkin kurang sedar dan undang-undang yang ada mungkin kurang tepat untuk mengawai dalam aspek pembangunan ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh kepada aspek kedua dalam usaha menarik pelaburan asing. Saya boleh membaca dari Program dan Prestasi MIDA ini bahawa tekanan akan diberikan kepada industri-industri berteknologi tinggi untuk berorientasikan eksport dan termasuk industri-industri sampingan dan sokongan. Saya ingin mengingatkan, saya mahu menasihatkan, caution, sebab sekarang ada satu fenomena yang baru yang sudah ada di dunia antarabangsa dalam bidang perdagangan dan perindustrian iaitu satu fenomena, dengan izin, new international divisional labour.

Saya berikan suatu contoh, saya ambil Jepun sebagai contoh. Jepun sekarang mempunyai rizab yang paling besar di dalam dunia ini. Pengeluaran barang-barang dan perkhidmatan dari Jepun merupakan 10% daripada barangan dan perkhidmatan dari

jumlah yang dikeluarkan dari seluruh dunia ini. Maka nilai matawang Yen nya telah naik, maka ada suatu bahaya dari segi kacamata Jepun bahawa barangan eksport mereka akan menjadi lebih mahal dan kurang kompetitif. Sebab itu, kos pengeluaran barangan di Jepun pun naik. Sebab itu Jepun telah berhasrat hendak memindahkan sebahagian dari machinery perindustrian mereka ke dunia ketiga seperti Thailand, Malaysia yang mana buruh adalah murah, yang mana keutamaan diberi kepada mereka untuk menarik pelaburan dari Jepun. Maka mereka memindahkan sebahagian sahaja daripada machinery pengeluaran yang akan terletak di negeri-negeri seperti Malaysia. Finished products (barang akhir) yang dikeluarkan oleh bahagian assembly lines di negara Malaysia ini, bukanlah complete products, Tuan Pengerusi. Ataupun mungkin lagi satu contoh yang lebih baik adalah Amerika Syarikat dalam industri elektronik. Industri-industri di negara kita cuma mengeluarkan komponen sahaja, bukan finished products dan komponen ini akan dihantar mungkin kepada Silicone Valley di California untuk diassemblekan sebagai complete products. Maka dunia kita ini dijadikan satu assembly lines besar, satu kilang besar dengan negara-negara masing-masing memainkan peranan sebagai satu station dalam assembly lines.

Ini adalah suatu masalah besar sebab nombor satu, buruh tempatan di dalam negara Malaysia ini tidak akan mungkin mendapat faedah yang sepatutnya. Sebabnya ialah kerana pihak Kerajaan hendak mengawal kos pengeluaran untuk menarik pelabur asing dalam mewujudkan trend gaji supaya gaji buruh tidak begitu tinggi. Maka rakyat Malaysia yang pergi bekerja di kilang Matsushita, Motorola dan sebagainya, tetapi gaji mereka kecil. Sebab dasar ini akan menguntungkan mereka yang melabur dalam Malaysia dari luar negeri. Tetapi adakah ia benar-benar memberi pendapatan yang lebih tinggi kepada pekerja-pekerja dalam Malaysia.

Itulah satu masalah. Kita semua sudah tahu bahawa pelabur-pelabur asing tidak suka kaum pekerja Malaysia menubuhkan kesatuan sekerja.

Oleh sebab itu, saya ingin menasihatkan (caution) dan mengingatkan Kementerian yang berkenaan, khususnya MIDA untuk memberikan perhatian mungkin kepada industri-industri yang akan membangunkan suatu asas domestic economy, supaya gaji mereka yang berpendapatan rendah sekarang akan dipertingkatkan, supaya kemampuan Malaysia sendiri dalam perkara ini akan dibesarkan, diperluaskan dan ini melibatkan industri-industri yang akan memberi gaji yang lebih besar dan melibatkan penggalakan pelaburan tempatan supaya economic turnover, duit atau keuntungan itu akan berada di Malaysia sendiri, tidak balik ke Tokyo ataupun Washington. Itu penting. Sebab ini mungkin kita perlu mencapai suatuimbangan untuk pelaburan asing, dan pelaburan tempatan diseimbangkan supaya kita tidak menghilangkan kedaulatan ekonomi Malaysia. Sebab sekiranya pelaburan asing akan dominate ekonomi negara Malaysia ini, maka kita akan menjadi hamba ekonomi, di bawah penjajahan ekonomi kepada transnational. Itu suatu bahaya. Itu sahaja dan sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya fikir sudah sampai masa Menteri menjawab dengan kerana kita ada satu lagi Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap sedikit.

Tuan Pengerusi: Tak boleh, Yang Berhormat.

4.59 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat):

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Yang pertama, Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa ada membangkitkan dua perkara. Pertama, berkaitan dengan kenaikan harga barang-barang keperluan seperti minyak tanah dan lain-lain.

Tuan Pengerusi, harga barang-barang perlu seperti gula, beras dan minyak tanah adalah sentiasa dikawal oleh Kementerian. Itu Yang Berhormat tahu. Harga barang-barang tersebut adalah ditetapkan mengikut kos barang-barang tersebut dan kenaikan harga barang-barang tersebut tidak dapat dielakkan. Kalau kos barang-barang mentah dan kos operasi kilang-kilang tersebut meningkat, mestilah harga barang-barang pun ikut meningkat. Tetapi di sini saya menghargai pandangan Yang Berhormat dan oleh kerana itu Kementerian saya selalu menjaga dan mengawal harga barang-barang itu. Saya sedar

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Pengkalan Chepa bangun. Hendak beri jalan?

Dato' Kok Wee Kiat: Nanti sekejap.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Minta jalan.

Tuan Pengerusi: Dia minta jalan. Nanti Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak.

Dato' Kok Wee Kiat: Saya beri tetapi

Tuan Pengerusi: Nantilah, jika beri

Dato' Kok Wee Kiat: Harap saya boleh habis satu dua ayat sebelum itu.

Seperti saya kata tadi, barang-barang di seluruh Malaysia naik, itu ada beberapa faktor. Antaranya faktor inflasi, faktor kos kesemuanya itu Kementerian saya sedar. Oleh kerana itu Kementerian saya selalu jaga kenaikan barang-barang itu. Di sini saya sudah beberapa kali di Dewan yang mulia ini ada maklumkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat semua faktor-faktor itu menyebabkan kenaikan itu.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak bangun macam mana Yang Berhormat hendak suruh dia duduk. (*Ketawa*)

Dato' Kok Wee Kiat: Dia bangun

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Sila.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Timbalan Menteri kerana dalam jawapan beliau sekejap tadi beliau mengatakan beliau sentiasa menjaga dan mengawal. Jadi saya minta penjelasanlah sebab saya tidak faham bagaimana mengawal dan menjaga sebab mengikut fahaman saya kalau betul-betul kawal dan jaga, pertama dia tidak naik. Yang kedua, kalau naik pun dia tidak berkali-kali. Tetapi sampai empat kali tidak sampai setahun naik, macam mana jaga, macam mana kawal. Dan matlamat kawal ini supaya tidak naik. Kalau hendak biar naik juga tidak payah kawallah. Seperti binatang yang kita tambat kita tidak mahu dia lari. Kalau mahu dia lari tidak payah tambat, kita lepas terus; satu.

Yang kedua, amalan kenaikan yang sedang berlaku ini bercanggah dengan pengakuan Menteri Kewangan di mana

Menteri Kewangan di dalam membenteng Budget baru-baru ini beliau jamin dan dengan pembentangan itu beliau telah mengisytiharkan rakyat akan lena. Tetapi nampak hari ini tidak lena. Saya dalam ucapan saya tadi saya kata belum pertimbangan jawatankuasa diluluskan, barang sudah naik. Sepatutnya biarlah tahun depan kalau hendak naik pun. Ini masih duduk bahas Budget, barang pun sudah naik. Jadi saya tidak faham, minta penjelasan macam mana cara kawal.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Pengerusi, seperti saya sudah memaklum kepada Dewan yang mulia ini beberapa kali tadi, barang-barang keperluan kita kawal. Kalau Yang Berhormat hendak guna barang-barang mewah, kita tidak boleh melindungi barang-barang itu.

Tuan P. Patto: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap. Yang Berhormat sila memandang kepada saya. Jangan memandang kepada dia.

Dato' Kok Wee Kiat: Baik.

Tuan Pengerusi: Sila.

Dato' Kok Wee Kiat: Terima Kasih.

Tuan Pengerusi: Kalau pandang dekat dia, kacaulah! (*Ketawa*)

Dato' Kok Wee Kiat: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan P. Patto: Penjelasan.

Tuan Pengerusi: Nanti, ada penjelasan. Hendak benar?

Dato' Kok Wee Kiat: Sila.

Tuan P. Patto: Terima kasih. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menjawab kepada penjelasan yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa

bahawa harga barang-barang keperluan (essential commodities), dengan izin, adalah dikawal. Kalau itu benar, kenapa selepas pembentangan Belanjawan dan sebelum tamatnya kita meluluskan peruntukan bagi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, harga gula sekilo sudah naik 10 sen. Kenapa? Boleh jawab. Itu barang keperluan, bukan mewah.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Pengerusi, saya kesallah oleh kerana Yang Berhormat berkenaan tidak faham economics. Kalau harga-harga

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, saya kata apa

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ipoh

Tuan P. Patto: Penjelasan.

Tuan Pengerusi: Ya, penjelasan.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Pengerusi, saya belum jawab

Tuan P. Patto: Dia salah tafsir dan dia memutar belit.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ipoh, dia tidak beri jalan.

Tuan P. Patto: Gula itu barang keperluan, Tuan Pengerusi. Apa economics mahu cerita?

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Pengerusi, saya sangat menghormati Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Dewan ini. Saya pun harap Yang Berhormat berkenaan boleh menghormati saya.

Seperti saya cakap tadi, kalau harga-harga gula mentah di seluruh negara naik, di Malaysia oleh kerana kita mengimport kebanyakan gula-gula mentah kita, harga mesti mengikut naik. Tetapi kalau

Tuan P. Patto: Penjelasan. Gula mentahkah atau gula-gula mentah.

Dato' Kok Wee Kiat: Saya belum habis.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ipoh

Tuan P. Patto: Bukan-bukan, ada perbezaan di antara gula mentah dan gula-gula.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ipoh, tidak boleh macam itu minta kebenaran dulu.

Tuan P. Patto: Ya, penjelasan, Tuan Pengerusi, sebab saya terkeliru sedikit

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak beri kebenaran atau tidak.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Pengerusi, kalau kita

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, dia minta penjelasan, hendak beri atau tidak?

Dato' Kok Wee Kiat: Tidak berilah.

Tuan Pengerusi: Sila teruskan.

Dato' Kok Wee Kiat: Yang Berhormat berkenaan tidak faham. Kalau tidak ada gula-gula mentah mana boleh dapat gula-gula.

Tuan P. Patto: Penjelasan.

Tuan Pengerusi: Dia minta penjelasan pula. Yang Berhormat hendak beri?

Dato' Kok Wee Kiat: Tidak payahlah!

Tuan Pengerusi: Tidak payah? Sila.

Dato' Kok Wee Kiat: Itu bukan satu perkara yang penting

Tuan P. Patto: Saya minta

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat daripada Ipoh, dia tidak benar.

Dato' Kok Wee Kiat: Saya harap Yang Berhormat jangan buang masa.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, penjelasan.

Dato' Kok Wee Kiat: Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa

Tuan Pengerusi: Dia minta penjelasan pula ini. Hendak benar atau tidak.

Dato' Kok Wee Kiat: Saya pun tidak cakap apa! Mana ada penjelasan lagi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tanya hendak beri atau tidak.

Dato' Kok Wee Kiat: Saya tidak berilah.

Tuan Pengerusi: Ah! Itu jawabnya.

Dato' Kok Wee Kiat: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Pengkalan Chepa

Tuan Teoh Teik Huat: Tuan Pengerusi, penjelasan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bagan bangun pula. Penjelasan. Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Kok Wee Kiat: Sila.

Tuan Teoh Teik Huat: Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri mengenai gula mentah yang diimport. Bukankah gula mentah yang diimport oleh pengimport-pengimport adalah forward order di mana satu kontrak jangka panjang ditanda tangani dan harganya ditetapkan mengikut beberapa tahun yang ditetapkan. Kalau ini begitu, macam mana harga gula boleh naik 10 sen seperti yang disebut oleh rakan saya?

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Pengerusi, saya dulu ada menerangkan perkara ini. Negara kita 50% ada kontrak secara long-term dengan izin, 3 tahun. 50% kita membeli dari pasaran bebas (free market). Oleh itu, harga gula-gula mentah selalu mesti tukar, kalau tidak hari-hari tukar pun, 3 tahun mesti tukar satu kali.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa telah meminta supaya publisiti mengenai hak-hak pengguna dipergiatkan oleh Kementerian dan mengadakan lebih aktif untuk mendidik para pengguna. Itu saya bersetuju. Dan kalau Yang Berhormat ada cadangan-cadangan yang baik, saya harap Yang Berhormat boleh menulis atau memberitahu kepada Kementerian saya.

Tuan Lee Lam Thye: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bukit Bintang bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Kok Wee Kiat: Sila.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, mengenai jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengenai kawalan tentang harga barang-barang keperluan dan bukan keperluan, saya ingin bertanya Timbalan Menteri, tidakkah Yang Berhormat bersetuju bahawa salah satu langkah yang dapat diambil oleh Kerajaan untuk mengawasi harga barang-barang ialah untuk menubuhkan sebuah Tribunal Harta Berpatutan yang telah banyak kali dicadangkan oleh Persatuan-persatuan Pengguna yang bertujuan untuk merujuk segala aduan-aduan kepada Tribunal untuk membuat satu keputusan sama ada kenaikan harga itu berpatutan atau tidak dan sekiranya tidak patut, maka Kerajaan boleh mendengar dan menerima keputusan yang dibuat oleh Tribunal.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Bukit Bintang sudah

membangkitkan perkara ini dahulu dan saya telah menjawab dengan teliti. Saya tidak becadang untuk menambah jawapan saya itu.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Bagan ada membangkitkan beberapa perkara. Yang Pertama, dia membangkitkan mengenai industri-industri kecil dan sederhana dan di sini dia membandingkan dengan syarikat-syarikat asing yang besar. Dia ada memberikan contoh seperti Matsushita di Penang dan dia juga ada membangkitkan beberapa contoh seperti industri tekstil dan sebagainya. Pandangan beliau ialah pelabur-pelabur tempatan tidak dapat keuntungan tetapi kebanyakan keuntungan adalah didapati oleh syarikat besar.

Di sini saya hendak menerangkan sekali lagi bahawa Kerajaan kita selalu menggalakkan pertumbuhan industri-industri kecil dan sederhana. Kerajaan sedar kebanyakan industri-industri di negara kita adalah industri kecil dan sederhana. Oleh kerana ramai orang melibatkan diri dalam industri-industri kecil dan sederhana, maka Kerajaan mesti menjaga kepentingan sektor industri ini. Oleh kerana itu, Kerajaan sudah memberi beberapa insenti dari sudah mengambil beberapa langkah untuk melindungi industri-industri kecil dan sederhana.

Ahli-ahli Yang Berhormat selalu membangkit dan mencadangkan supaya Kerajaan

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar (*Marang*): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Marang bangun.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan sedikit. Dalam usaha Kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan industri-industri kecil, sering Kerajaan merujuk

kepada dasar-dasarnya iaitu menggalakkan pertumbuhan industri kecil yang berasaskan kepada bahan-bahan ataupun kemudahan-kemudahan semulajadi yang ada di negara ini. Saya ingin penjelasan, apakah pihak Kementerian juga mencadangkan mengadakan bentuk industri-industri kecil yang mana bahan-bahan ataupun kemudahan-kemudahan semula jadinya tidak ada di negara ini seperti, misal kata kewujudan industri-industri kecil di Taiwan dan Hong Kong yang menggunakan permainan kanak-kanak ataupun plastik sebagai bahan yang utama dalam memberi sokongan ekonomi kepada negara-negara itu kerana saya difahamkan bahawa 80% ekonomi mereka bergantung kepada ekonomi industri kecil daripada luar-luar bandar. Setakat hari ini kita lihat pihak Kementerian

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, minta penjelasan sahaja.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ya, penjelasan. Adakah Kerajaan bercadang untuk menukar industri-industri kecil ini ke Malaysia kerana yang ditukarkan sekarang ialah bentuk industri-industri yang besar sahaja.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Pengerusi, kalau kita tidak ada industri-industri besar kita tidak boleh adakan industri-industri kecil dan sederhana. Pada masa sekarang tujuan Kerajaan adalah meningkatkan perhubungan industri-industri kecil dan sederhana dengan industri-industri yang besar. Oleh kerana itu kita boleh meningkatkan prestasi industri-industri kecil.

Di sini saya hendak mengulangi sekali lagi, insentif-insentif untuk pelaburan-pelaburan tempatan dan pelaburan-pelaburan asing adalah sama, tidak ada perbezaan. Tetapi yang penting adalah ekuiti. Ini Yang Berhormat dari Bagan ada bangkitkan, dia kata dalam implimentasi ICA sekarang, bila pelabur asing

mengeksport mereka boleh mendapat 100% ekuiti, tetapi pelabur-pelabur tempatan walaupun mereka mengeksport barang-barang ataupun keluaran-keluaran mereka, mereka mesti mematuhi ICA. Di sini

Tuan Teoh Teik Huat: Tuan Pengerusi

Dato' Kok Wee Kiat: Saya belum habis, Yang Berhormat. Nanti saya habiskan dahulu.

Kita mesti faham, kalau kita hendak menarik pelabur-pelabur asing ke negara kita, pelabur-pelabur asing tidak memahami sepenuhnya apa keadaan di negara kita tetapi di negara kita pelabur-pelanur tempatan sepatutnya memahami apa keadaan politik atau sosial di negara kita. Oleh kerana itu polisi dalam DEB adalah membahagikan 30% kepada bumiputera. Itu satu dasar yang kita sudah menerima beberapa tahun. Oleh kerana itu apa yang dipatuhi oleh pelabur-pelabur asing ada perbezaan dengan pelabur-pelabur tempatan.

Tuan Teoh Teik Huat: Tuan Pengerusi, Timbalan Menteri sudah silap. Bila dikatakan pelabur-pelabur asing tidak tahu keadaan di negara kita, saya ingat Timbalan Menteri sudah silap. Pelabur-pelabur asing memang tahu apa yang berlaku di negara kita. Apa yang saya ingin tahu ialah mengapa Kerajaan boleh melonggarkan Akta itu untuk orang asing tetapi tidak mahu melonggarkan Akta itu untuk orang tempatan? Walaupun Timbalan Menteri berkata bahawa itu bergantung dalam Dasar Ekonomi Baru, 30% ekuiti, jikalau dasar ini tidak baik mesti ditukar. Oleh kerana ekuiti itu menghalang pembangunan industri-industri kecil dan tempatan, mengapa Kerajaan tidak mahu meminda Akta ini untuk kebaikan negara kita?

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Pengerusi, itulah ada perbezaan dengan pandangan

DAP dan pandangan Kerajaan. Oleh kerana itu kita di Kerajaan memandangkan negara keseluruhannya ada dasar ini tetapi kalau Yang Berhormat dari Bagan tidak mematuhi dasar ini, it is his freedom, dengan izin.

Tuan Teoh Teik Huat: Penjelasan. Adakah Timbalan Menteri bersetuju dengan saya bahawa 30% ekuiti itu adalah menghalang pembangunan industri-industri kecil dan sederhana di negara ini? Adakah Timbalan Menteri bersetuju dengan saya?

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Pengerusi, apakah bukti Yang Berhormat dari Bagan ada?

Tuan Teoh Teik Huat: Jikalau bukan ini, mengapa insentif-insentif yang beri kepada orang tempatan dan orang asing adalah tidak serupa? Mengapa pembangunan industri-industri tidak seimbang dengan pelaburan asing? Mengapa?

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Pengerusi, saya fikir saya sudah menjawab soalan itu. Yang Berhormat dari Bagan telah bertanya berapa lama lagi kita bergantung kepada pelaburan asing.

Tuan P. Patto: Di dalam jawapan Timbalan Menteri, beliau ada berkata bahawa kemudahan-kemudahan yang diberi dan keistimewaan yang dihulurkan kepada pelabur-pelabur asing tidak dapat diberi kepada pelabur-pelabur tempatan untuk pertumbuhan ekonomi, atau yang dapat dilonggokkan kepada perindustrian kecil dan sederhana, kerana keadaan politik dan keadaan sosial di negara kita. Tidakkah keistimewaan dan kemudahan yang diberi tanpa sebarang had kepada pelabur-pelabur asing akan terus menjejaskan pencapaian matlamat yang beliau sendiri kata adalah matlamat Kerajaan iaitu pencapaian 30% ekuiti oleh kaum bumiputera dan dalam bidang ekonomi, 40% bagi bukan bumiputera dan 30% bagi orang-orang

asing? Kalau penggalakan dan keistimewaan ini diteruskan lagi bagi pelabur-pelabur asing, tidakkah itu akan menjejaskan pencapaian matlamat itu sendiri?

Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa)*

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Pengerusi, saya fikir saya sudah pun menjawab soalan ini. Oleh kerana pandangan ada perbezaan

Tuan P. Patto: Penjelasan, Tuan Pengerusi.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Pengerusi, there is a difference of opinion, dengan izin, dan saya harap pihak Pembangkang boleh menerima pandangan Kerajaan sehingga pihak Pembangkang menjadi Kerajaan.

Tuan P. Patto: Penjelasan

Dato' Kok Wee Kiat: Saya tidak berilah.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Perkara yang samakah Yang Berhormat?

Tuan P. Patto: Ya.

Dato' Kok Wee Kiat: Lain point boleh, tetapi kalau point ini, saya tidak beri.

Tuan P. Patto: Sebab dia tidak jawab dan dia tidak mahu jawab. Mungkin tidak faham.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Terus, Yang Berhormat.

Dato' Kok Wee Kiat: Yang Berhormat dari Bagan bertanya berapa lamakah lagi kita bergantung kepada pelaburan asing. Bila-bila kita boleh mendapat untung dari pelaburan asing, kita mesti perlukan pelaburan asing di negara kita. Yang penting adalah kita mengkaji pelaburan asing boleh menguntungkan negara kita atau tidak. Kalau boleh menguntungkan kita, kita akan

menerima pelaburan asing itu. Yang Berhormat dari Bagan pun membangkitkan

Tuan P. Patto: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Tidakkah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dengan tindakan Kerajaan untuk menggalakkan pelabur-pelabur asing dengan memberi insentif-insentif yang beliau sendiri mengakui tidak dapat diberi kepada pelabur-pelabur tempatan, maka dengan pemberian kemudahan dan keistimewaan kepada pelabur-pelabur asing itu, negara ini terdedah kepada penjajahan ekonomi atau economic colonialism dan adakah beliau "subscribe" kepada prinsip falsafah itu?

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Pengerusi, saya fikir tidak payahlah saya menjawab penjelasan ini dan saya harap Yang Berhormat bila meminta penjelasan jangan memasuki dasar-dasar

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, perbelanjaan ini melibatkan dasar-dasar yang mengawal perbelanjaan ini.

Dato' Kok Wee Kiat: Betul!

Tuan P. Patto: Ya, sebab itu saya tanya adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri subscribe kepada falsafah itu iaitu "economic colonialism". Bagi orang-orang pelabur-pelabur asing datang melabur dan membawa balik dalam dua tahun lebih sahaja \$10 bilion keuntungan sudah dibawa keluar daripada negara ini.

Dato' Kok Wee Kiat: On a point of order, Tuan Pengerusi, saya harap bila saya berdiri, Yang Berhormat dari Ipoh jangan mengganggu.

Tuan P. Patto: Saya bukan mengganggu, saya minta penjelasan. Kalau tidak beri, tidak apalah. Itu memang perangai MCA, saya tahu.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat,

duduk! Teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Kok Wee Kiat: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat dari Ipoh ingin membahaskan dasar-dasar, tetapi ini bukan masanya. Saya di sini hendak menjawab butir-butir sahaja.

Tuan P. Patto: Penjelasan.

Dato' Kok Wee Kiat: Tidak payahlah.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri.

Dato' Kok Wee Kiat: Yang Berhormat dari Bagan pun membangkitkan capital flight, dengan izin, dari negara kita. Dia berkata dalam satu tahun \$3 bilion keluar negeri. Itu adalah satu perkara yang tidak dalam perkara-perkara yang melindungi di bawah Kementerian saya, tetapi saya harap Yang Berhormat, kalau dia ada butir-butir dan ada bukti-bukti melibatkan "capital flight", dia mesti memberi penerangan itu kepada

Tuan Teoh Teik Huat: Penjelasan. Untuk memberitahu kepada Timbalan Menteri, adalah satu "survey" yang dijalankan oleh Morgan Warranty dianggarkan sebanyak \$30 billion yang dikeluarkan dari Malaysia keluar negeri dari tahun 1976 sampai 1986. Itu adalah dalam laporan Morgan Warranty, satu syarikat U.S.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Pengerusi, saya harap Yang Berhormat dari Bagan akan memberi penerangan itu kepada Bank Negara.

Yang Berhormat dari Bagan ada membangkitkan satu syarikat iaitu Gula Perak mengenai penyelewengan minority shareholder. Dia menuduh kepentingan minority shareholder tidak dilindungi. Di sini, saya menasihatkan Yang Berhormat, perkara ini sepatutnya dibawa ke Mahkamah yang sewajarnya.

Tuan Teoh Teik Huat: Tuan Pengerusi, penjelasan minority shareholder ini ialah satu orang yang menulis satu surat aduan kepada Pendaftar Syarikat di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Saya bukan buat tuduhan. Saya harap Kementerian itu boleh membuat satu siasatan dan jikalau benar tindakan mesti diambil.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Pengerusi, kalau Yang Berhormat dari Bagan boleh memberi butir-butir kepada saya, saya akan menyiasat sendiri perkara ini.

Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah membangkitkan tiga atau empat perkara. Yang pertama, dia menuduh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memberi token attention sahaja kepada pengguna-pengguna. Di sini saya tidak bersetuju oleh kerana pengguna-pengguna semua pun pengundi-pengundi. Kalau Kerajaan tidak menjaga kepentingan pengguna-pengguna itu, saya takutlah apa boleh jadi di dalam pilihanraya yang akan datang. Tetapi saya setuju dengan saranannya, iaitu kuasa yang mencukupi dan kuasa untuk mengambil tindakan yang segera sepatutnya diberi kepada pegawai-pegawai berkenaan di Kementerian saya. Saya boleh mengkaji perkara ini. Yang Berhormat telah pun menuduh Penasihat-penasihat Pengguna tak mencukupi, mempengaruhi dan tidak boleh dengan kekesanannya mencadangkan pindaan-pindaan undang-undang berkaitan dengan pengguna-pengguna, dan beliau mencadangkan MPKPP bukan jadi penasihat sahaja, tetapi sepatutnya "should have motive", dengan izin.

Di sini saya hendak menerangkan peranan MPKPP adalah aktif, dan Majlis ini selalu ada bermesyuarat dan selalu ada mencadangkan langkah-langkah untuk meningkatkan taraf hidup pengguna-pengguna.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, saya memang bersetuju bahawa Majlis

Penasihat Pengguna merupakan sebuah badan yang aktif, dan telah menyampaikan pelbagai-pelbagai cadangan untuk pertimbangan Kementerian yang berkenaan, akan tetapi di sini adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, bahawa walaupun aktif dan berguna peranan yang dapat dimainkan oleh Majlis Penasihat itu, yang sebenarnya Majlis Penasihat itu hanya dapat bergerak sebagai sebuah badan penasihat sahaja. Sekiranya ada syor-syor atau cadangan-cadangan yang membina, yang harus dipertimbangkan, akan tetapi pada akhirnya Kerajaan boleh menolak apa yang disyorkan, memandangkan bahawa Perbadanan itu ialah sebuah badan penasihat. Apa yang saya hendak bertanya ialah sama ada Kementerian bercadang untuk menimbang bahawa Majlis itu bukanlah dijadikan sebuah badan penasihat, akan tetapi bergerak dan berfungsi sebagai sebuah badan yang mempunyai beberapa kuasa tertentu.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Pengerusi, saya sedar Majlis ini ada kelemahan-kelemahan untuk melindungi pengguna-pengguna, tetapi pada masa sekarang kalau kita hendak menukar sistem yang kita ada, kita mesti mengkaji dengan sepenuhnya, dan saya harap kalau Yang Berhormat ada saranan-saranan yang baik ini tulislah kepada saya.

Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah pun membangkitkan HP Act 67 dan dia menuduh bahawa semenjak 1981 Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ada menyatakan pindaan sahaja, tetapi tidak mengambil tindakan yang sewajarnya. Dia mencadangkan satu undang-undang yang baru, iaitu Consumers Credit Act. Itu adalah satu perkara yang melibatkan bidang-bidang yang luas. Saya akan mengambil perhatian cadangannya, dan dengan itu saya boleh berbincang dengan pegawai-pegawai saya untuk tujuan mengeluarkan satu undang-undang payung kalau sewajarnya.

Yang Berhormat dari Bukit Bintang ada mencadangkan satu Perbadanan Perindustrian Kecil digubal, fungsinya adalah menyelaraskan kepentingan-kepentingan Small and Medium Industries (SMI) atau industri-industri kecil dan sederhana. Pada masa sekarang di Kementerian, kita ada satu bahagian fungsinya bukanlah hendak menyelaraskan kepentingan SMI, tetapi bidang tugasnya adalah luas, dan itu melibatkan semua aspek berkaitan industri-industri kecil dan sederhana. Oleh kerana itu, saya berpendapat bahagian itu bolehlah bertugas sebagai Perbadanan Perindustrian Kecil, dan saya berpendapat perbadanan ini tidak diperlukan.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Bukit Bintang iaitu kita sepatutnya meningkatkan infrastruktur untuk menyelidiki sektor swasta.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Bandar Kuching ada membangkitkan Aluminium Smelting di Bintulu. Dia hendak tahu sama ada kajian ada dibuat, siapa yang akan membuatnya dan bila boleh menerbitkan kajian itu dan lain-lain. Di sini Bintulu Aluminium Project mesti memerlukan satu Environmental Impact Assessment, (EIA), dengan izin. Sebelum Kementerian yang berkenaan iaitu Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar meluluskan dan menerima kajian itu, projek ini tidak boleh diteruskan.

Di sini saya memberi jaminan bila MIDA menerima sesuatu permohonan, projek itu kalau melibatkan industri-industri berat, MIDA akan mendapatkan pandangan daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Itu bukan satu faktor yang MIDA boleh memutuskan sendiri, kita mesti dapat pandangan dari Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Satu projek yang dijadualkan di Bukit Raja, Kelang untuk sebuah kilang

besi besar-besaran yang berharga lebih daripada A.S.M. iaitu \$1 billion yang diumumkan oleh Menteri Besar Selangor. Adakah Environmental Impact Assessment atau study dibuat sebelum pengumuman Tan Sri Muhammad bin Haji Muhammad Taib di Selangor? Saya hendak tahu daripada MIDA sama ada projek ini telahpun dikaji oleh MIDA, sama ada sesuai untuk ditempatkan di Bukit Raja.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Pengerusi, saya tidak pastilah berkaitan perkara ini tetapi di sini Yang Berhormat mesti memahami bila satu projek diluluskan pada dasarnya atau, in principle, dengan izin, it does not mean that that project will automatically be allowed to be operated. Kalau projek itu mesti dijalankan, projek itu mesti mematuhi beberapa syarat termasuk syarat environmental, termasuk syarat alam sekitar.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Bandar Kuching ada membangkitkan

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan.

Tuan Sim Kwang Yang: Bolehkah saya minta penjelasan? Saya ingin menyusuli pembangunan terakhir tentang Aluminium Smelting Plant di Bintulu sebab saya sudah diberitahu dalam Dewan ini oleh Yang Berhormat Menteri enam bulan lalu dan apa yang diberitahu kepada saya hari ini pun serupa juga. Maka saya ingin tahu status, keadaan sekarang, bagaimana dengan Aluminium Smelting Plant ini, adakah pelabur asing sudah ditentukan, adakah dia syarikat Perancis ataupun Jepun? Saya tahu ada dua syarikat yang memperasingkan di antara satu sama lain untuk mengambil bahagian dalam project ini. Siapakah yang membuat atau menyediakan EIA? Ini

penting bagi saya sebab saya dengar dari penduduk-penduduk Bintulu sekiranya syarat-syarat tidak dipatuhi oleh pihak berkenaan memang mereka akan pergi ke mahkamah untuk injunction atau tindakan mahkamah.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Pengerusi, saya harap Yang Berhormat boleh membangkitkan perkara ini dalam perbahasan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Yang Berhormat dari Bandar Kuching ada membangkitkan pandangannya berkaitan apa dia menyifatkan new international labour division. Saya bersetuju dengan beliau, kita mesti menjalankan kajian projek-projek, permohonan-permohonan dengan berhati-hati. Tetapi di sini saya harap Yang Berhormat jangan lupa, kalau pelabur-pelabur asing tidak ada keuntungan datang ke negara kita, mereka mesti tidak datang ke sini. Apa yang penting adalah kita mesti mengkaji permohonan itu, dapat butir-butir yang sesuai dan kita dari sana boleh melihat projek ini boleh meningkatkan ekonomi negara kita. Kalau hasilnya ada, jawapan itu adalah ya, kita boleh mengkaji lagi bila kita boleh meluluskan projek-projek itu. Apa yang saya hendak menerangkan di sini ialah kita tidak boleh memandangi situasi itu dari segi kita sahaja. Segi pelabur asing pun mesti dikaji tetapi akhirnya bolehkah projek itu menguntungkan negara kita dan tidak menjejaskan negara kita. Itulah satu "yardstick", dengan izin, kita mesti ikut.

Tuan Pengerusi, saya sudah habis menjawab semua points yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$103,686,400 untuk Maksud B. 20 di bawah Kementerian Perdagangan

dan Perindustrian jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$103,686,400 untuk Maksud B.20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$14,420,700 yang disebutkan dalam Maksud P.20 dalam Anggaran Pembangunan, 1990 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$14,420,700 untuk Maksud P.20 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1990.

Maksud B.21, B. 22, B.23 dan B.24 (Jadual)—

Maksud P.21, P.22, P.23 dan P.24 (Anggaran Pembangunan 1990)—

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Maksud Bekalan B.21 hingga B.24 dan Maksud Pembangunan P.21 hingga P.24 di bawah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Padang Terap.

5.46 ptg.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya merujuk kepada mukasurat 107 di bawah Maksud Bekalan B.21 Butiran 030000 iaitu di dalam tajuk Kebudayaan.

Di dalam tajuk ini, Tuan Pengerusi, saya ada beberapa points yang hendak saya bangkitkan mengenai dengan pembinaan ciri-ciri Budaya Nasional.

Pertama sekali sebagai satu cara ataupun satu instrument untuk pembinaan satu

Budaya Nasional yang betul-betul merangkum segala nilai norma dan lain-lain aspek penghidupan seluruh rakyat Malaysia dimasuki. Perkara ini ialah mengenai dengan Yayasan Kebudayaan Kebangsaan. Saya difahamkan bahawa pihak Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan telah mengutarakan kepada pihak Perbendaharaan mengenai penubuhan Yayasan ini tetapi telah ditolak oleh pihak Perbendaharaan dengan alasan bahawa di dalam Kementerian telah wujud satu Tabung Amanah Kebudayaan pada waktu ini.

Sebenarnya, Tuan Pengerusi, apa yang dimaksudkan dengan Yayasan Kebudayaan Kebangsaan ialah satu badan yang merangkumi skop yang lebih daripada Tabung Amanah yang ada. Penolakan pihak Perbendaharaan mungkin di atas sebab tidak faham mengenai dengan fungsi-fungsi dan skop Yayasan Kebudayaan Kebangsaan. Saya harap pihak Kementerian memberi lebih information, dengan izin, ataupun memberi penerangan dengan mendalam mengenai dengan skop dan fungsi Yayasan ini kerana fungsi Yayasan ini adalah lebih meluas daripada Tabung Amanah yang ada sekarang. Misalannya, di dalam fungsi-fungsi Yayasan ini ialah membolehkan Yayasan ini sebagai satu Yayasan mengutip wang dan mengutip sumbangan-sumbangan dari semua golongan di dalam negara ini dan pada hal Tabung ini hanya dapat mengutip dari sumber-sumber yang tertentu dan ianya tidak akan menambah sumber-sumber untuk pembinaan kebudayaan kita.

Saya harap pihak Kementerian akan terus meminta lagi daripada Perbendaharaan dan kalau boleh digantikan Tabung Amanah ini dengan penubuhan Yayasan Kebudayaan Kebangsaan. Kemungkinan pihak Kerajaan tidak perlu menambah banyak wang untuk penubuhan Yayasan ini kerana banyak sektor-sektor di dalam negara kita yang ingin menyumbang kepada Penubuhan Yayasan ini yang saya pasti akan dapat

mempergigihkan lagi usaha-usaha kita terhadap penubuhan Kebudayaan Nasional.

Perkara kedua, Tuan Pengerusi, ialah mengenai dengan Anugerah Budayawan Negara yang telahpun dipersetujui oleh pihak Kementerian. Saya cadangkan supaya kita tidak ada banyak sangat anugerah-anugerah yang mana pada masa ini di dalam lingkungan anugerah budaya ini kita telah wujud Anugerah Sastera. Jadi, saya cadangkan kepada pihak Kementerian supaya disatukan anugerah ini di dalam satu upacara iaitu di dalam satu masa diwujudkan Anugerah Budaya Negara iaitu kita mencari seorang budayawan negara dan juga pada satu masa itu juga kita cari ataupun kita memberi anugerah kepada seorang Sasterawan yang telah mencapai tahap Sasterawan Negara.

Ketiga, Yang Berhormat Tuan Pengerusi ialah mengenai dengan Lembaga Amanah Balai Seni Lukis. Balai Seni Lukis kita telahpun diwujudkan dan kerja-kerjanya adalah boleh dibanggakan dengan usaha-usaha menerapkan nilai-nilai estetik kepada keseluruhan rakyat Malaysia, tetapi yang saya hendak tegur di sini ialah supaya Lembaga ini dianggotai oleh keseluruhan Badan-badan Pelukis seluruh Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak. Saya difahamkan pada masa ini Lembaga ini hanya dianggotai oleh orang-orang di dalam persekitaran Kuala Lumpur sahaja, tidak termasuk ahli-ahli pelukis dari Utara, dari Selatan dan juga dari Timur Malaysia dan saya ingin cadangkan mengenai dengan hal ini supaya kita adakan seorang "Patron" kerana kalau kita lihat sejarah perkembangan Seni Lukis seperti di masa "Renaissance" dahulu, kebanyakan perkembangan ini dapat berlaku dengan wujudnya "Patron" dari Raja, anak Raja, ataupun orang-orang Bangsawan. Saya cadangkan Balai Seni Lukis Negara ini dilantik seorang "Patron" iaitu saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini supaya Duli Yang Maha Mulia Raja

Permaisuri Agong dilantik sebagai "Patron" Balai Seni Lukis Negara.

Perkara keempat, Tuan Pengerusi, saya memohon supaya Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan memajukan kepada pihak Perbendaharaan di dalam exercise penulisan ataupun membuat Belanjawan untuk tahun 1991 ataupun kalau boleh pada tahun ini supaya diadakan pelepasan cukai peralatan seni lukis. Pada masa sekarang saya diberitahu oleh pelukis-pelukis bahawa alat-alat untuk melukis adalah dikenakan cukai yang sangat tinggi. Saya fikir kalau Kerajaan berkemampuan untuk melupuskan cukai ke atas alat-alat sukan seperti alat-alat golf yang mana orang-orang kaya sahaja yang main golf, tentu sekali ada logiknya kalau Kerajaan melupuskan cukai ke atas alat-alat melukis ini yang mana kebanyakan pelukis-pelukis adalah terdiri dari artis-artis yang tidak mempunyai wang yang cukup untuk menjalankan kerja-kerja estatik mereka.

Kelima, Tuan Pengerusi, mengenai dengan Memorial Perpaduan. Kita sedia maklum, Tuan Pengerusi, di dalam kita mensimenkan berbagai budaya kecil untuk menjadikan satu budaya nasional, usaha-usaha kita ini banyak yang terjejas disebabkan oleh kejadian-kejadian dan perlakuan-perlakuan hitam di dalam sejarah kita. Perkara-perkara ini patut diperingatkan kepada masyarakat, khususnya masyarakat yang akan datang, misalannya kekacauan ataupun peristiwa tragis yang berlaku pada 13 Mei, peristiwa tragis yang banyak berlaku di masa darurat patut ditunjukkan kepada masyarakat, bukan dari aspek negatif, bukan dari aspek destructive, Tuan Pengerusi, tetapi dari aspek constructive yang mana misalannya kita bukan hendak menunjukkan berapa orang Cina dibunuh, berapa orang Melayu terbunuh dan berapa orang India yang kena bunuh, tetapi menunjukkan bagaimana dalam masa itu berlaku peristiwa di mana masyarakat Melayu menolong masyarakat Cina di

dalam satu kampung ataupun masyarakat Cina menolong masyarakat melayu yang terperangkap di dalam pawagam-pawagam dan di pasar-pasar. Ini patut ditunjukkan di masa kegentingan itu. Soal-soal kerjasama, ciri-ciri murni yang ada di kalangan masyarakat kita ditunjukkan sebagai satu perkara yang diambil iktibar oleh semua masyarakat di negara ini.

Keenam, Tuan Pengerusi, mengenai dengan peranan Kedutaan-kedutaan Malaysia di Luar Negeri untuk memperkenalkan Kebudayaan Nasional ini. Saya telah banyak melawat ataupun berkunjung ke banyak bangunan kedutaan-kedutaan kita. Walaupun ada ciri-ciri ke Malaysiaan tetapi pada pendapat saya ciri-ciri ini tidak cukup sebagai mencerminkan identiti Malaysia di mana Bangunan Kedutaan kita seboleh-bolehnya cuba mencerminkan identiti "microcosm" Malaysia, iaitu bukan sahaja kita adakan gambar keretapi ataupun adakan gambar pantai-pantai yang indah, tetapi perlu diadakan "artifac" kebudayaan, misalnya di dalam kraftangan yang dibuat oleh masyarakat ataupun kelompok-kelompok masyarakat dari berlainan tempat di Malaysia dan juga wujudnya suasana ke Malaysiaan. Jadi, saya harap pihak Kementerian akan bekerjasama rapat dengan pihak Kementerian Luar Negeri di dalam bidang ini untuk memprojekkan budaya kita di luar negeri supaya orang lebih mengetahui bahawa Malaysia adalah satu identiti budaya yang gigih dan budaya yang sama dengan budaya-budaya lain di negara kita.

Tuan Pengerusi, akhir sekali yang ingin merujuk kepada muka surat 114 di bawah Bekalan B.24 iaitu butiran 0340000-Perkhidmatan Dokumentasi oleh pihak Perpustakaan Negara. Saya ingin memberi tahniah dan syabas kepada pihak Perpustakaan dan juga pihak Arkib yang pada masa ini sedang gigih membuat koleksi-koleksi untuk dijadikan khazanah negara dan koleksi-koleksi ini, saya

difahamkan lagi bahawa ianya menerokai bidang-bidang keilmuan. Cuma saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian supaya di dalam kita membuat dokumentasi ini jangan lupa segolongan rakyat yang semenjak dahulu lagi sebelum wujudnya perasaan ataupun semangat nasionalisme kita di Singapura telahpun, orang-orang ini menyemarakkan semangat ini di kawasan-kawasan luar bandar, di desa-desa iaitu kumpulan yang saya maksudkan ialah kumpulan ulama yang perlu diberi perhatian untuk diinterview dan didokumentasikan segala aktiviti mereka dan diabadikan sumbangan-sumbangan mereka di dalam bidang perjuangan bukan sahaja di dalam hal pendidikan agama, tetapi juga di dalam peranan mereka meniup semangat nasionalisme sebelum Perang Dunia Yang Pertama dahulu lagi.

Misalannya peranan yang dimainkan oleh Tok Kenali di Kelantan, seorang Ulama yang hidup advance dari masanya yang pada masa itu telah meniup semangat nasionalisme, konsep politik kepada Ulama-ulama yang akan datang. Selain daripada meniup semangat nasionalisme ini, Ulama-ulama juga telah memainkan peranan penting di dalam pembukaan negeri secara fizikal.

Kalau Tuan Pengerusi kaji mengenai dengan Social and Economic History of Kedah and Kelantan, dengan izin, kedua-dua kawasan ini dibuka secara fizikal oleh Ulama-ulama ini melalui sistem pondok mereka yang mana sebelum itu Negeri Kedah dan Negeri Kelantan wujud pada segi teori sahaja, dari segi konsep kerana negeri di dalam sistem feudal Melayu ialah kawasan-kawasan yang selari ataupun kawasan river basin ataupun kawasan dataran sungai sahaja di mana Raja duduk di kepala sungai dan Penghulu duduk di hulu sungai mengutip hasil-hasil dari hutan ataupun hasil dari collecting dan gathering economy. Tetapi apabila Ulama ini datang, merekalah yang membuka tanah-tanah

paya di antara basin-basin sungai ini dan merekalah yang membuka ini melalui sistem pondok di mana pengikut-pengikut mereka membuka tanah ini melalui drainage iaitu penyaliran air ini ke laut dan jadilah Negeri Kedah dan Kelantan sebagai negeri pengeluar padi yang cukup memberi sumbangan kepada pembangunan negara. Sumbangan mereka juga di dalam bidang mistik yang mana mereka telah membawa ilmu-ilmu mistik, termasuk ilmu kebal dan juga tarikat-tarikat untuk mendekatkan orang-orang beriman kepada Allah s.w.t.

Akhir sekali sumbangan mereka di dalam bidang ekonomi sebelum wujudnya Bank Pertanian, sebelum wujudnya LPP, Ulama-ulama ini telah memainkan peranan penting di dalam mengutip sumbangan ataupun simpanan-simpanan dari pengikut-pengikut mereka untuk pembangunan ekonomi, membeli tanah, membiayai pemergian mereka ke Makkah secara kumpulan dan lain-lain lagi sumbangan yang dibuat oleh Ulama.

Tuan Pengerusi, dengan itu saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian supaya point-point yang saya bangkitkan ini diambil secara serius untuk kita memastikan bahawa kebudayaan menjadi satu tunjang Kementerian ini kerana pada masa ini, Kementerian ini dituduh sebagai Kementerian yang hanya menitikberatkan pelancongan. Dan Kementerian ini dituduh sebagai Kementerian yang ingin mengeksploitasikan budaya sahaja untuk dijadikan alat menarik pelancong. Tetapi bukan secara serius untuk membangunkan satu budaya Malaysia menjadi satu alat perpaduan segala kaum dan segala budaya di negara ini.

Saya harap dengan saranan ini dan kebanyakan saya ingin memberi acknowledgement di sini, Tuan Pengerusi, kebanyakan saranan yang saya buat di sini adalah saranan yang dibuat oleh Majlis Mesyuarat Penasihat Budaya Kebangsaan

yang mana saya menjadi seorang daripada ahlinya dan saya harap melalui Dewan yang mulia ini, saranan ini akan dititikberatkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, selepas ini saya jemput Yang Berhormat Menteri berkenaan menjawab. Panjangkah ucapan Yang Berhormat?

Tuan Lee Lam Thye: Lebih kurang 12 minit.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Okay, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, saya hendak memberikan sedikit komen atas Butiran 040000—Urusetia Tahun Pelancongan dan Tahun Melawat Malaysia. Sejumlah \$32.9 juta telah diperuntukkan tahun depan untuk Sekretariat yang ditubuhkan untuk menggalakkan pelancongan ke arah Tahun Melawat Malaysia 1990. Dengan sejumlah besar peruntukan yang dibelanjakan untuk menggalakkan Tahun Melawat Malaysia 1990, adalah penting bahawa Sekretariat bergerak menurut pendekatan-pendekatan yang betul dan tersusun bagi menggalakkan Malaysia sebagai satu destinasi pelancong.

Adalah menjadi tanggungjawab Sekretariat untuk memastikan bahawa apa juga wang yang digunakan untuk membuat promosi atau menggalak Tahun Melawat Malaysia, wang tersebut mestilah dibelanjakan dengan baik dan tidak dibazir dan akan menarik ramai pelancong ke negara Malaysia. Untuk berbuat ini adalah perlu untuk menggunakan satu strategi pemasaran yang betul dan bersistem yang mana tanpa strategi pemasaran berkesan, berapa banyak sekalipun kita belanja untuk mengiklankan kita tidak akan mendapat hasil yang diinginkan. Dalam hubungan ini

saya ingin merujuk kepada pengiklanan papan tanda di luar negeri yang mana saya faham ini merupakan satu perkara yang memerlukan kos yang mahal. Kita mempunyai iklan papan tanda di seberang laut dengan perkataan-perkataan, dengan izin, "Come to fascinating Malaysia." Tetapi pada pendapat saya, soal pokok ialah sama ada mereka tahu di mana sebenarnya negara Malaysia. Tidak ada faedahnya membelanjakan begitu banyak wang mengiklankan Malaysia atas papan tanda, bas dan teksi apabila pada akhirnya orang luar yang menjadi pelancong tidak tahu di mana letaknya negara Malaysia. Dengan pengiklanan yang mahal, kita telah membuatnya di seberang laut terutama iklan papan tanda, saya terpaksa bertanya bagaimana berkesannya dalam bentuk iklan seperti ini dan bagaimana untuk mengukur keberkesannya. Kita terpaksa mengakui bahawa sebagai satu destinasi pelancongan, Malaysia tidaklah terkenal seperti Bahamas, Bali atau Hong Kong dan Hawaii. Oleh itu kita terpaksa memastikan bahawa amaun yang dibelanjakan ke atas pengiklanan papan tanda di seberang laut dibelanjakan dengan betul dan akan berakhir dengan membawa lebih ramai pelancong ke dalam negara ini.

Satu lagi perkara yang saya ingin menyentuh di sini ialah kita ini perlu memastikan bahawa keperluan atau kehendak asas pelancong dipenuhi supaya mereka dapat meninggalkan Malaysia dengan membawa kenangan manis dan juga satu gambaran baik negara kita, supaya mereka akan bertindak sebagai Duta tidak rasmi negara.

Dalam hubungan mengenai galakan Tahun Melawat Malaysia 1990, Sekretariat patut juga menimbang perkara-perkara yang berikut:

- (1) Papantanda-papantanda yang diletakkan di berbagai tempat dalam negara dan juga maklumat dan notis mengenai Tahun Melawat Malaysia patutlah diadakan dalam bahasa-bahasa yang mudah difahami oleh semua orang.

- (2) Bilangan pusat-pusat maklumat pelancong patutlah ditambah lagi dan juga memastikan pusat-pusat itu terletak dalam tempat-tempat yang mudah didatangi oleh para pelancong. Di samping lapangan terbang, stesyen keretapi, perhentian bas, patut juga mempunyai pusat penerangan dan menugaskan kakitangan-kakitangan di situ dan mereka mestilah bersopan santun setiap masa dan juga berupaya bercakap dalam beberapa bahasa.
- (3) Membanyakkan bilangan tanda jalan dan papantanda yang sesuai bagi membantu pelancong bergerak dan berjalan dengan mudah dan penuh yakin.
- (4) Banyak tandas awam patut dibina untuk kemudahan para pelancong dan penyenggaraan semua tandas awam patut diberikan perhatian utama.

Mengenai perkara galakan pelancongan berkaitan dengan Tahun Melawat Malaysia, saya ingin merujuk kepada risalah mengenai kalendar acara ataupun kalendar peristiwa, dalam bahasa Inggeris, Calendar of Events yang ada dalam kepunyaan saya sekarang. Saya mendapat tahu bahawa terlalu banyak peristiwa ataupun events ataupun acara untuk seseorang pelancong asing menyaksikannya dan bagaimana seseorang pelancong boleh menganggap bahawa seseorang pelancong boleh menyaksikan semua acara ataupun mengambil bahagian dalam setengah-setengah acara pesta-pesta seperti Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong ataupun Tahun Baru Cina ataupun Hari Raya apabila pelancong itu tidak tahu bagaimana dia boleh pergi ke tempat itu ataupun dijemput pergi ke sana. Langkah-langkah mestilah diambil untuk memastikan bahawa hotel-hotel kita berupaya memberikan perkhidmatan yang memuaskan. Apa yang terjadi kepada Tanjung Jara Beach Hotel di Terengganu tidak sepatutnya berlaku lagi, kalau tidak,

pelancong-pelancong ini akan mendapat gambaran buruk tentang negara Malaysia.

Pada akhirnya, Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Perbadanan Kemajuan Pelancongan yang diperuntukkan sejumlah \$54.2 juta untuk tahun 1990 bagi belanja mengurusnya. Tidak dapat dinafikan bahawa banyak telah dilakukan oleh pihak TDC dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mendapat sedikit penjelasan terhadap satu perkara yang merunsingkan saya. Apa yang saya ingin sentuh ialah mengenai TDC tentang peranan dan fungsinya yang bertujuan untuk memudahkan pembangunan industri pelancongan dan secara am untuk menggalakkan di peringkat tempatan dan antarabangsa dan untuk menyertai pembangunan industri pelancongan dalam Malaysia. Adalah jelas kepada saya dan ramai yang lain bahawa apa yang pihak TDC buat, Kementerian berkenaan juga berbuat perkara yang sama. Sebagai contoh, terdapat Bahagian Perancangan dan Pembangunan di Kementerian yang berkenaan yang lebih kurang melakukan tugas yang sama dengan pihak TDC berkaitan dengan pembangunan pelancongan.

Saya ingin meminta penjelasan dari Yang Berhormat yang berkenaan sama ada ia bukan satu hakikat terdapat duplikasi tugas antara Kementerian dan pihak TDC. Ini adalah jelas kepada saya bahawa tugas Kementerian dan pihak TDC adalah bertindih antara satu sama lain dan jika inilah keadaannya, adakah ini satu pembaziran wang rakyat untuk memperuntukkan sejumlah besar melebihi \$100 juta kepada Kementerian yang berkenaan. Sehingga hari ini tugas Kementerian dan Perbadanan Kemajuan Pelancongan tidak diterangkan dengan jelas dan sebagaimana keadaannya sekarang terdapat pertindihan atau duplikasi tugas antara Perbadanan dan Kementerian mengenai galakan pelancongan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Jemput Timbalan Menteri menjawab.

6.15 ptg.

Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Ng Cheng Kuai): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan ingin merakamkan syabas dan terima kasih kepada kedua-kedua Yang Berhormat yang telah mengeluarkan buah fikiran mereka masing-masing tentang aktiviti dan program Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap telah membangkitkan beberapa perkara mengenai ciri-ciri dan pembinaan kebudayaan nasional. Beliau telah menyarankan bahawa pihak Kementerian saya menghubungi Kementerian yang lain, iaitu Kementerian Kewangan mengenai Yayasan Kebudayaan yang permohonannya telah ditolak oleh pihak Perbendaharaan. Beliau juga membangkitkan mengenai masalah Anugerah Budaya Negara. Kedua-dua perkara ini akan diberikan perhatian dan akan diambil tindakan yang sesuai apabila sampai masanya.

Sama juga dengan masalah-masalah mengenai anggota-anggota untuk Lembaga Balai Seni Malaysia yang mengikut saranan beliau patut mengandungi wakil-wakil daripada badan-badan pelukis, baik di Semenanjung Malaysia mahupun dari Sabah dan Sarawak. Saranan-saranan beliau yang lain akan juga diberikan perhatian dan tindakan yang sesuai.

Yang Berhormat dari Padang Terap juga membangkitkan beberapa perkara yang merupakan resolusi pihak Majlis Penasihat Kebangsaan Malaysia dan semua resolusi-resolusi yang berkenaan akan dikaji pelaksanaannya oleh pihak Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap juga menyentuh mengenai tuduhan-tuduhan yang barangkali dilemparkan kepada Kementerian saya kerana terlalu menumpukan perhatian kepada pelancongan dan barangkali ada mengabaikan sedikit perkembangan kebudayaan. Sebenarnya kalau kita lihat dari segi positif, kebudayaan Malaysia dan kesenian Malaysia telah dapat

menarik minat para pelancong luar negeri dan ini akan membawa pendedahan antarabangsa kepadanya. Lebih daripada itu, perkembangan kesenian tempatan akan berpeluang untuk meningkatkan lagi taraf persembahannya dengan adanya permintaan-permintaan untuk menonton persembahan kebudayaan.

Dato' Dr Affudin bin Haji Omar:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat sekejap. Dia minta penjelasan.

Dato' Dr Affudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan, inilah dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri itulah yang menyebabkan orang menuduh Kementerian, kerana apa yang dititikberatkan ialah aspek kebudayaan, iaitu aspek estetik seperti seni ini hendak dipertunjukkan kepada orang sebagai satu prioritas (priority), bukan hendak membina budaya Malaysia itu sebagai satu binding force kepada semua budaya-budaya kecil dan masyarakat kita. Inilah orang luar menuduh kita, sebab apabila kita bercakap mengenai budaya, selalu kita kaitkan dengan pelancongan.

Bolehkah Kementerian menukar pendiriannya, iaitu kalau bercakap mengenai budaya, jangan bercakap atau hendak membangkitkan budaya yang hanya bertujuan hendak menarik pelancong. Sebab inilah, misalnya, orang boleh tuduh Kementerian ini di dalam pembahagian wang, iaitu hanya diberi \$500,000 kepada usaha-usaha untuk membina ciri-ciri budaya kita, pada hal yang dipinta adalah \$15 juta oleh Bahagian Kebudayaan.

Jadi di sinilah aspeknya yang menyebabkan orang menuduh Kementerian bahawa kita hendak hanya mengeksploitsikan budaya untuk mendapat pelancong. Saya harap, kalau boleh, Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan lebih lanjut apa sebab pendirian itu dibuat dan apakah ini akan ditukar.

Dato' Ng Cheng Kuai: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya ucapkan kepada Yang Berhormat dari Padang Terap. Pihak Kementerian saya memang sedar akan pandangan-pandangan seperti ini yang pernah disampaikan pula kepada pihak Kementerian saya dan pihak Kementerian pun setuju bahawa perlu diwujudkan satu keseimbangan dari segi perkembangan atau perhatian kepada perkembangan kebudayaan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang ada menyentuh beberapa perkara. Antaranya beliau membangkitkan masalah mengenai Tanjong Jara Beach Hotel. Sebenarnya kenyataan akhbar dalam *Malay Mail* pada 3hb November, 1989 tidak memberi gambaran yang sebenarnya. Hotel tersebut mengalami kerosakan teruk setelah dilanda oleh banjir pada Disember 1988. Taksiran kerosakan dan tuntutan daripada pihak syarikat insurans telah memakan masa kerana hotel tidak mempunyai seorang pengurus pada masa tersebut. Kemudian seorang pengurus dilantik pada 1hb September 1989 dan beliau telah dipertugaskan untuk memastikan bahawa kerja pembaikan dijalankan dengan segera. Semasa kenyataan akhbar itu dikeluarkan, sebahagian daripada kerja-kerja pembaikan seperti pembinaan jambatan, pertukaran papantanda di restoran, pemulihan jalan, tempat letak kereta dan gelanggang tenis telahpun selesai diperbaiki.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat itu pun ada menyentuh mengenai papantanda dalam negeri dan di luar negeri. Mengikut tafsiran beliau, papantanda tersebut di luar negeri adalah mahal dan barangkali para pelancong luar negeri masih belum tahu di mana letaknya Malaysia.

Sebenarnya semenjak dimulakan program-program untuk menjayakan Tahun Melawat Malaysia, sehingga ini boleh dikatakan papantanda-papantanda di luar negeri atau pengiklanan melalui media cetak elektronik sekarang telah mendatangkan banyak pertanyaan bagi pejabat-pejabat TDC di luar negeri. Ini membuktikan bahawa kesedaran sudah wujud di kalangan

para pelancong di luar negeri mengenai program Tahun Melawat Malaysia dan mereka tentu sedar di mana letaknya Malaysia. Selain daripada itu

Tuan Lee Lam Thye: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sekejap. Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sekiranya beliau dapat memberitahu Dewan yang mulia ini tentang perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh pihak TDC ataupun Kementerian beliau mengenai pengiklanan dalam papantanda dan saya ingin mendapat tahu sejauhmana pengiklanan itu dapat benar-benar mendatangkan hasil yang berfaedah untuk negara Malaysia dari segi menarik lebih ramai pelancong ke negara kita.

Dato' Ng Cheng Kuai: Tuan Pengerusi, untuk membekalkan angka mengenai wang ringgit yang telah dibelanjakan, saya tidak sempatlah mencari angka-angkanya dari fail sekarang, tetapi adalah dipastikan bahawa cara pengiklanan papantanda itu adalah satu cara yang berkesan. Seperti yang saya katakan tadi, selain dari kesedaran yang telah diwujudkan di luar negeri, sekarang ini ada juga minat di kalangan pengusaha-pengusaha pelancongan luar negeri untuk mengadakan atau memulakan lawatan package ke Malaysia.

Selain dari itu, ada beberapa syarikat penerbangan juga menunjukkan minat untuk menambahkan penerbangan berjadual ke Malaysia. Ini termasuk China Airlines, Japan Air Lines, Royal Brunei Airlines, UTA, Cathay Pacific dan Lufthansa. Selain dari itu, ada juga penerbangan-penerbangan charter ke Malaysia. Ini termasuk penerbangan yang akan datang dari Germany, Finland dan United Kingdom.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Bukit Bintang ada juga menyentuh mengenai kemudahan-kemudahan

pelancongan dan salah satu tajuk yang beliau sebutkan ialah kebersihan dalam tandas awam. Sebenarnya Kementerian saya bersama-sama dengan Jabatan-jabatan atau agensi lain telah menjalankan beberapa aktiviti sepanjang tempoh untuk mengadakan seminar mengenai keperluan menjaga kebersihan tandas awam termasuk kempen penguatkuasaan oleh pihak-pihak berkuasa tempatan. Di samping itu, Kementerian ini telah mengadakan satu "hot line" di mana orang ramai dari Kuala Lumpur boleh membuat aduan mengenai tandas-tandas awam yang kotor di sekitaran bandaraya ini, dan mana-mana tandas-tandas awam yang didapati kotor telah diberi

amaran dan didenda kompuan oleh Dewan Bandaraya.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat boleh sambung esok, sebab masa sudah cukup.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.